



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

LAPORAN TAHUNAN

JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

www.jbsn.gov.my |      jbsnegara



JBSN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA





Sekiranya memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi:

Jabatan Belia dan Sukan Negara

Aras 2, 11, 12, 13 & 14, Menara KBS
No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 WP PUTRAJAYA

Tel: +603-8871 3000
Faks: +603-8888 8723
E-mel: jbsn@kbs.gov.my

Diterbitkan oleh:

**Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara**

Aras 14, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 WP PUTRAJAYA

Tel: +603-8871 3000
Faks: +603-8888 8723

Hak cipta pencetak:

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan sama ada melalui elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Belia dan Sukan Negara.

Makluman:

Data dan maklumat yang terdapat di dalam Buku Laporan Tahunan ini adalah kemas kini sehingga 31 Disember 2023 tertakluk kepada tarikh pelaksanaan program dan aktiviti.





**SIDANG EDITORIAL
LAPORAN TAHUNAN JBSN 2023**

Penasihat:

YBrs. Tuan Mohd Azhari bin Mohammad

Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara

Ketua Editor:

Encik Fadzil Hadri bin Mohd Nawawi

Penolong Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara

Sidang Editorial:

BIL	NAMA	BAHAGIAN
1.	Puan Siti Amirah binti Amiruddin	Pejabat Ketua Pengarah
2.	Encik Mohammed Shahnaz bin Mawardi	Pejabat Ketua Pengarah
3.	Cik Marcella @ Ella binti Kopong	Bahagian Pembangunan Belia
4.	Puan Nadrah Audya binti Abd Karim	Bahagian Pembangunan Sukan
5.	Encik Ahmad Faizal bin Zainuddin	Bahagian Pembangunan Sukan
6.	Encik Yan Mohd Nor Alif bin Mohamad Noh	Bahagian Pembangunan Rakan Muda
7.	Encik Muhammad Shauqi bin Zulkifli	Bahagian Pembangunan Rakan Muda
8.	Puan Nur Hazwani binti Hashim	Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan
9.	Puan Nadzirah binti Zulkifli	Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan



KANDUNGAN



Sekapur Sirih	06
Mengenai Kami	08
Visi, Misi dan Fungsi	09
Piagam Pelanggan	10
Kumpulan Sasar	11
Strategi	12
Carta Organisasi	14
Pendahuluan	16
Pencapaian Strategik	18
Profesionalisme Kerja Belia	19
Dana Pembangunan Belia dan Sukan	20


Laporan Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan	22
Laporan Bahagian Pembangunan Belia	32
Laporan Bahagian Pembangunan Sukan	52
Laporan Bahagian Pembangunan Rakan Muda	76
Direktori Jabatan Belia dan Sukan Negeri/ Wilayah Persekutuan	92
Direktori Fasiliti Pembangunan Belia dan Sukan	112
Penutup	123
Lensa JBSN	124
Catatan	150

Sekapur Sirih



MOHD AZHARI BIN MOHAMMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara





Assalamualaikum W.B.T & Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi yang mana tahun 2023 telah melabuhkan tirainya. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua warga Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) yang bersama dapat mengharungi pelbagai pahit manis sepanjang menempuh perjalanan di peringkat masing-masing dengan sebaiknya.

Pelbagai kejayaan dan kemanisan yang dikecapi sepanjang 2023 yang mana JBSN komited di dalam usaha memperkasakan pembangunan belia dan sukan seiring dengan hasrat yang digariskan di bawah kerangka Malaysia MADANI.

Bagi tahun 2023, secara keseluruhannya JBSN telah melaksanakan sebanyak 107 buah program merangkumi 7,214 aktiviti pembangunan belia dan sukan melibatkan peringkat kebangsaan, negeri dan daerah/ bahagian/ kawasan dengan perbelanjaan sebanyak RM39.14 juta.

Memandang ke hadapan, JBSN akan terus bergerak proaktif melalui perancangan pelaksanaan yang komprehensif, inklusif dan holistik seiring dengan hala tuju dan strategi yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik JBSN 2021 – 2025.


Semoga setiap yang dirancang akan berjalan dengan lancar dan sempurna seiring dengan aspirasi dan hala tuju yang ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Terima kasih.





MENGENAI KAMI



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA

JBSN merupakan sebuah jabatan di bawah KBS khusus bagi melaksanakan program dan aktiviti pembangunan belia dan sukan. Diketuai oleh seorang Ketua Pengarah, JBSN memainkan peranan utama bagi memperkasakan pembangunan belia yang berdaya maju dan rakyat Malaysia berbudaya sukan.

Dengan kekuatan sebanyak 1,381 perjawatan di seluruh negara merangkumi kepelbagaian skim perkhidmatan, JBSN terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Belia (BPB), Bahagian Pembangunan Sukan (BPS), Bahagian Pembangunan Rakan Muda (BPRM) dan Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan (P&K) di ibu pejabat.

Selain itu, JBSN turut beroperasi di peringkat Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS Negeri), Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan (JBS Wilayah Persekutuan) dan Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) termasuklah Pejabat Belia dan Sukan Daerah/ Bahagian/ Kawasan (PBSD/B/K).

Seterusnya, JBSN turut menawarkan perkhidmatan penggunaan fasiliti dan kemudahan bagi menjalankan dan melaksanakan aktiviti pembangunan belia dan sukan melalui Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), Kompleks Rakan Muda (KRM), Kompleks Sukan Komuniti (KSK) dan Kompleks Sukan (KS).





VISI, MISI DAN FUNGSI

Sejak ditubuhkan pada tahun 2000, JBSN bergerak proaktif berlandaskan visi, misi dan fungsi seperti berikut:



VISI

Melahirkan belia sejahtera dan negara bersukan.



MISI

Menjadikan belia pemangkin negara berdaya maju dan membudayakan gaya hidup aktif melalui ekosistem sukan yang mampan.



FUNGSI

- Menyerlahkan potensi belia yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan, kemahiran, keusahawanan dan kesukarelawanan.
- Memperkasakan dan memberi pengiktirafan kepada individu serta organisasi belia dan sukan.
- Mempertingkatkan kesedaran ke arah masyarakat berbudaya sukan.
- Meningkatkan keselesaan penggunaan kemudahan dan infrastruktur belia dan sukan di seluruh negara.
- Melaksanakan program berdasarkan inklusiviti dan kesamarataan jantina.





PIAGAM PELANGGAN

BAGI MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN YANG TERBAIK DAN EFEKTIF, KAMI BERJANJI UNTUK:

01 

Memaklumkan keputusan permohonan bantuan menjalankan program dan aktiviti pembangunan belia dan sukan kepada pemohon yang berjaya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh mesyuarat bersidang.

Menjelaskan pembayaran permohonan bantuan yang berjaya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen lengkap diterima.

 **02**

03 

Memastikan setiap aduan yang diterima diberikan maklum balas dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh aduan terima.

Memuat naik sekurang-kurangnya 1,700 berita/ artikel setahun melibatkan penganjuran program pembangunan belia dan sukan di seluruh negara.

 **04**

05 

Menjelaskan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen lengkap diterima.



KUMPULAN SASAR

PEMEGANG TARUH, RAKAN STRATEGIK DAN PELANGGAN SEBAGAI KUMPULAN SASAR DI DALAM USAHA MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN DI MALAYSIA

PEMEGANG TARUH

- YAB Perdana Menteri
- Ahli-ahli Jemaah Menteri
- Ketua Menteri/ Menteri Besar
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Setiausaha

Pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan sesuatu program

RAKAN STRATEGIK

- Kementerian dan Agensi Persekutuan
- Jabatan Peringkat Negeri
- NGO Belia dan Sukan Tempatan dan Antarabangsa
- Syarikat/ Agensi Swasta/ GLC
- Institut Penyelidikan dan Pendidikan
- Pusat-pusat Latihan
- Media
- Pihak Penaja
- Penggerak Sukan

Suatu entiti yang menjalankan kerjasama dengan agensi awam dalam bentuk yang tertentu bagi mencapai suatu matlamat bersama

PELANGGAN

- 8 Kumpulan Sasaran Belia
- NGO Belia dan Sukan
- Komuniti Setempat
- Keluarga
- Warga Emas
- Orang Asli
- Orang Kurang Upaya
- Kanak-kanak
- Wanita
- Belia NEET

Pihak yang menerima faedah secara langsung atau tidak langsung daripada aktiviti yang dijalankan





J

JUARA



Menerajui pelaksanaan program pembangunan belia dan sukan.

B

BERMUTU



Menghasilkan kerja yang berkualiti dan berimpak tinggi.

S

SINERGI



Semangat Malaysia MADANI yang melengkapi landasan pembangunan belia dan sukan negara.

N

NASIONALISME



Menanamkan rasa kesetiaan dan kecintaan kepada bangsa dan negara yang mendalam.



**NILAI BERSAMA YANG PERLU DIFAHAMI,
DITERIMA DAN DITERAP DI DALAM DIRI INDIVIDU DAN
ORGANISASI SECARA KOMPREHENSIF**

A **ASPIRASI**
.....
Menumpukan dan merealisasikan harapan dan iltizam dalam membangunkan potensi belia dan sukan masa hadapan.

K **KOMITED**
.....
Melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

T **TELUS**
.....
Memperkukuhkan ekosistem organisasi secara komprehensif dengan menerapkan amalan berintegriti, akauntabiliti dan amanah.

I **INKLUSIF**
.....
Merangka dan melaksanakan tindakan secara bersepadu dan seimbang kepada kumpulan sasar.

F **FUTURISTIK**
.....
Memanfaatkan dan mengaplikasikan teknologi termaju, pendigitalan serta keupayaan khusus dalam melaksanakan program belia dan sukan.

CARTA ORGANISASI



Senarai kepimpinan tertinggi JBSN termasuklah di peringkat negeri adalah seperti berikut:



TUAN MOHD AZHARI BIN MOHAMMAD
KETUA PENGARAH
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA



DR. ZAINAH BINTI SHARIFF
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PEMBANGUNAN BELIA)
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA



ENCIK ABD AZIZ BIN ABD RAHMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PEMBANGUNAN SUKAN)
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA



ENCIK SYAMSUL TAHRIN BIN MOHD TAHIR
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PEMBANGUNAN RAKAN MUDA)
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA



ENCIK ASZHARY BIN MOHAMAD
PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN
PERKHIDMATAN SOKONGAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA



**ENCIK MOHD NIZAM
BIN H.J. ISMAIL**
PENGARAH
JBS WP KUALA LUMPUR



**ENCIK SHAMSHUAIM
BIN BASIR**
PENGARAH
JBS NEGERI JOHOR



ENCIK APUI JAN
PENGARAH
JBS NEGERI SABAH



**ENCIK LAMAT
ANAK NYALAU**
PENGARAH
JBS NEGERI SARAWAK



**PUAN AZURA
BINTI H.J. SARBIN**
PENGARAH
JBS NEGERI SELANGOR



**PUAN NOR AZAH
BINTI AHMAD DAHALAN**
PENGARAH
JBS NEGERI PERAK



**PUAN NOOR AZMA
BINTI DERIS**
PENGARAH
JBS NEGERI KEDAH



**ENCIK MU'AZAMIR
BIN H.J. JILI**
PENGARAH
JBS NEGERI PAHANG



**ENCIK ASMADI
BIN MOHAMAD**
PENGARAH
JBS NEGERI TERENGGANU



**ENCIK MOHD SAIPUDDIN
BIN ZAKARIA**
PENGARAH
JBS NEGERI KELANTAN



**ENCIK MOHAMAD NIZAM
BIN MAT DAUD**
PENGARAH
JBS NEGERI PERLIS



**ENCIK MOZAKIR
BIN BUYONG MOKHTAR**
PENGARAH
JBS NEGERI PULAU PINANG



**ENCIK ZUL FADHLI
BIN ABD AZIZ**
PENGARAH
JBS NEGERI SEMBILAN



**ENCIK KHAIRUL ADRI
BIN DATO' ROSLI**
PENGARAH
JBS NEGERI MELAKA



**PUAN MAHANUM
BINTI FAUZI**
PENGARAH
JBS WP LABUAN



**ENCIK VIJAYAN KUMAR
A/L NADARAJAN**
PENGARAH
AKADEMI PEMBANGUNAN
BELIA MALAYSIA BATU GAJAH



**ENCIK MOHD HAZAN
BIN DAHARI**
PENGARAH
AKADEMI PEMBANGUNAN
BELIA MALAYSIA PORT DICKSON





PENDAHULUAN

JBSN komited memperkasakan pembangunan belia dan sukan termasuklah di segenap peringkat merangkumi kebangsaan, negeri dan daerah. Hasrat ini direalisasikan menerusi penganjuran program dan aktiviti pembangunan belia, sukan dan Rakan Muda di seluruh negara.

Bagi tahun 2023, pencapaian JBSN secara keseluruhannya adalah melibatkan peruntukan sebanyak RM39.14 juta (peruntukan pelaksanaan program) seperti berikut:

- ✔ Keseluruhan Program: 107 Program
- ✔ Keseluruhan Aktiviti: 7,214 Aktiviti
- ✔ Jumlah Aktiviti Peringkat Kebangsaan: 133 Aktiviti
- ✔ Jumlah Aktiviti Peringkat Antarabangsa: 9 Aktiviti
- ✔ Jumlah Aktiviti Peringkat Negeri: 4,141 Aktiviti
- ✔ Jumlah Aktiviti Peringkat Daerah: 2,904 Aktiviti
- ✔ Jumlah Aktiviti Peringkat Zon: 27 Aktiviti

Selain itu, usaha keras yang telah dizahirkan oleh seluruh keluarga JBSN di segenap peringkat telah membantu jabatan mencapai pencapaian berikut:

- ✔ Menyemarakkan Gaya Hidup Rakan Muda sehingga menjadi payung pelaksanaan program-program kementerian dan agensi luar.
- ✔ Menjadi ketua sekretariat bagi dana-dana bantuan berprofil tinggi iaitu DSK dan GPS dengan menguruskan peruntukan mencecah RM60 juta.
- ✔ Menjadi peneraju kepada program-program intervensi sosial peringkat kementerian.
- ✔ Memperkasakan masyarakat daripada kumpulan khusus di bawah pelaksanaan program sukan untuk semua iaitu KLAS Renang, Malaysia Aktif @ Komuniti, Tayangan Skrin Besar dan lain-lain.
- ✔ Memperkenalkan inisiatif 1 Sukan 1 Fasiliti iaitu usaha padanan lokasi latihan sukan dengan fasiliti sukan di Malaysia.
- ✔ Membangunkan sistem tempahan fasiliti secara dalam talian.
- ✔ Membangunkan direktori fasiliti bersepadu yang sebahagian besarnya adalah terdiri daripada kemudahan di bawah pentadbiran JBSN.



Seterusnya, JBSN juga telah mencapai beberapa kejayaan signifikan yang lain seperti berikut:

- ✔ Mencapai lebih 1 juta penyertaan di bawah inisiatif Rakan Muda.
- ✔ Mencapai lebih 2 juta penyertaan bagi sambutan Hari Belia Negara.
- ✔ Mencapai lebih 4 juta penyertaan bagi sambutan Hari Sukan Negara.
- ✔ Menganjurkan program skrin besar di 175 lokasi seluruh Malaysia.
- ✔ Menguruskan lebih 3,000 permohonan dana bantuan pelaksanaan program belia dan sukan dengan memperakukan lebih 1,000 kelulusan permohonan.
- ✔ Memuat naik lebih 1,162 fasiliti di bawah inisiatif direktori fasiliti belia dan sukan.
- ✔ Memaparkan senarai kelulusan bantuan dana menerusi laman sesawang KBS untuk makluman umum.
- ✔ Mendekati lebih 10,000 belia berisiko di bawah inisiatif intervensi sosial.
- ✔ Berjaya memadakan 10 persatuan sukan kebangsaan dengan fasiliti-fasiliti sukan di bawah inisiatif 1 sukan 1 fasiliti.
- ✔ Berjaya menukar status kategori penarafan semula risiko tahun 2023 JBSN daripada kategori berisiko tinggi kepada kategori berisiko sederhana.
- ✔ Berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif KBS di bawah projek pembangunan sukan OKU di bawah pimpinan Encik Razlan Rauf.



PENCAPAIAN STRATEGIK BAGI TAHUN 2023


Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan oleh jabatan merupakan kayu pengukur kepada penentuan kejayaan sesebuah organisasi. Penetapan KPI membantu organisasi dalam melaksanakan pembetulan dan penambahbaikan tindakan, menjajarkan hala tuju yang diinginkan serta meningkatkan tahap produktiviti dan kreativiti di dalam usaha untuk mencapai sasaran. KPI yang telah diwujudkan ini berpandukan kepada ciri-ciri S.M.A.R.T iaitu *specific, measurable, attainable, realistic* dan *time-bound*.

Sepanjang tahun 2023, jabatan telah menunjukkan prestasi yang cemerlang kerana berjaya memenuhi sasaran yang telah ditetapkan. Selain pencapaian yang membanggakan di peringkat kementerian dan jabatan, tahun 2023 juga merupakan tahun kedua KPI Peringkat Negeri dan APBM diwujudkan dan hasil pencapaiannya menunjukkan prestasi yang meningkat dan membanggakan.

Pencapaian keseluruhan jabatan membuktikan bahawa usaha dan perancangan strategik yang dilaksanakan di peringkat negeri/ APBM adalah berhasil. Maka, pencapaian cemerlang ini akan dijadikan sebagai penanda aras kepada penetapan sasaran KPI yang lebih berkesan pada tahun 2024.

Berikut merupakan rumusan pencapaian KPI tahun 2023 di peringkat kementerian, jabatan dan jabatan negeri/ APBM yang telah dipertanggungjawabkan di bawah jabatan ini:

RUMUSAN PENCAPAIAN KPI PERINGKAT NEGERI/ APBM





PROFESIONALISME KERJA BELIA

JBSN menerusi Akademi Pembangunan Belia Malaysia Port Dickson (APBM Port Dickson) komited melaksanakan program Profesionalisme Kerja Belia (PKB) kepada pekerja belia secara pengiktirafan melalui Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) menerusi Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) kepada kumpulan pekerja belia.

Program ini telah dilaksanakan bermula November 2022 yang mana kumpulan pertama adalah seramai 41 orang yang terdiri dalam kalangan Pegawai Belia dan Sukan dan telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang bertindak sebagai penceramah dan fasilitator. Seramai 39 orang calon telah berjaya ditauliahkan bagi tahun 2023.

PKB ini merupakan bidang baharu yang memberi fokus utama dalam membangunkan keupayaan dan kompetensi Kumpulan Pelaksana Belia dalam hal berkaitan belia. Penerapan elemen profesionalisme kerja belia ini bertujuan untuk meningkatkan tahap pekerja belia ke peringkat profesional melalui program pembangunan dan latihan khusus seperti pengiktirafan daripada pihak berkaitan melalui Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).

Antara NOSS yang telah dan akan dilaksanakan kepada pekerja belia dalam program PKB ini adalah SKM Tahap 3 (Pelaksanaan Kerja Belia), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 (Penyelarasan Kerja Belia) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 (Pengurusan Kerja Belia). Kaedah pensijilan adalah mengiktiraf kemahiran yang dimiliki oleh seseorang individu dengan menganugerahkan Pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM/ DKM/ DLKM) berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki oleh calon.

Hasil daripada pelaksanaan program PKB ini secara tidak langsung meramaikan *Subject Matter Expert* (SME) pembangunan belia yang diiktiraf kepakarannya seterusnya menyokong hasrat yang telah digariskan di bawah Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030).

TAHUN	CALON	CATATAN
2022	41 PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	1 CALON TERAMPIL DLKM 5 1 CALON TERAMPIL DLKM 4 37 CALON TERAMPIL SKM 3
2023	33 PEGAWAI BELIA DAN SUKAN	29 CALON TERAMPIL SKM 3 4 CALON SEDANG VERIFIKASI PANEL PENILAI LUARAN
	30 NGO	30 CALON TERAMPIL SKM 3
2024	250 (PEGAWAI/ NGO)	SASARAN PENYERTAAN CALON BAHARU UNTUK PENSIJILAN SKM TAHAP 3

Ringkasan dan Sasaran Penyertaan PKB



DANA PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

KBS menerusi JBSN komited memperkasakan pembangunan belia dan sukan merangkumi segenap peringkat di seluruh negara. Usaha ini memerlukan penglibatan semua pemegang taruh berkaitan seperti badan sukan, pertubuhan belia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan entiti swasta/ korporat secara inklusif.

Sehubungan itu, KBS telah menyediakan beberapa bantuan dana pada tahun 2023 untuk diakses oleh pemegang taruh demi kemajuan dan pembangunan belia dan sukan termasuklah yang diselaras menerusi JBSN seperti berikut:

i. Geran Padanan Sukan

Geran secara padanan (maksima 50% atau tidak melebihi RM1 juta) bagi menganjurkan program dan aktiviti pembangunan sukan termasuklah penganjuran acara sukan di bawah kategori prestasi tinggi, spesifikasi tinggi dan berimpak tinggi di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang dilaksanakan di dalam negara.

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	Jumlah Peruntukan	RM40 Juta
2.	Jumlah Permohonan yang Diterima	925 Permohonan
3.	Jumlah Permohonan yang Diluluskan	467 Permohonan
4.	Jumlah Permohonan yang Diluluskan	RM40 Juta

Rumusan pelaksanaan Geran Padanan Sukan bagi tahun 2023

ii. Dana Sukan Komuniti

Geran bagi merakyatkan dan membudayakan sukan ke arah menjadikan Malaysia negara bersukan serta menyokong gaya hidup cergas dan sihat. Dana Sukan Komuniti (DSK) adalah bagi menganjurkan program dan aktiviti sukan akar umbi merangkumi peringkat negeri, daerah, parlimen, DUN, kampung, taman perumahan dan seumpamanya.



BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	Jumlah Peruntukan	RM20 Juta
2.	Jumlah Permohonan yang Diterima	2,663 Permohonan
3.	Jumlah Permohonan yang Diluluskan	1,612 Permohonan
4.	Jumlah Permohonan yang Diluluskan	RM20 Juta

Rumusan pelaksanaan DSK bagi tahun 2023

Penyediaan geran/ dana ini juga akan memperkasakan industri sukan melalui penganjuran program-program sukan dan membantu memulihkan ekonomi sektor ini yang telah terkesan akibat pandemik COVID-19.

Diharapkan inisiatif ini menyemarakkan lagi hasrat memperkasakan pembangunan belia dan sukan di Malaysia selaras dengan aspirasi digariskan di bawah Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030) dan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030) seiring dengan kerangka Malaysia MADANI.



LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN





Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan (P&K) menjalankan fungsi mentadbir dan mengurus pengoperasian JBSN merangkumi ibu pejabat, negeri dan daerah seperti berikut:



Sepanjang tahun 2023, pelaporan bagi P&K adalah merangkumi kepelbagaian perspektif seperti berikut:

1. KEWANGAN

Pengoperasian JBSN merangkumi ibu pejabat, negeri dan daerah/ bahagian/ kawasan adalah berdasarkan peruntukan yang diturunkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang mana diselaraskan menerusi P&K.

Butiran peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2023 di bawah Peruntukan Mengurus B.45 adalah seperti berikut:

BIL	KOD	PROGRAM/ AKTIVITI	PERUNTUKAN DITERIMA	PERBELANJAAN	PRESTASI PERBELANJAAN
PERUNTUKAN MENGURUS B.45					
1.	020100	DASAR SEDIA ADA	RM109,925,600.00	RM110,039,745.57	100.10%
2.	030300	HARI SUKAN NEGARA	RM2,700,000.00	RM2,697,500.00	99.91%
3.	030400	PROGRAM BELIA DAN SUKAN	RM19,100,000.00	RM18,973,472.43	99.34%
4.	030500	PENYELENGGARAAN PEJABAT DAN KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN	RM6,000,000.00	RM5,963,221.95	99.39%
5.	031600	HARI BELIA NEGARA	RM2,000,000.00	RM1,970,752.00	98.54%

***Peruntukan diterima adalah peruntukan dikemas kini termasuk peruntukan tambahan yang diterima pada tahun semasa.**

2. PEMBERIAN BANTUAN PERUNTUKAN MENGANJURKAN PROGRAM DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

JBSN komited mengupayakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terutamanya badan sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) dan pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY).

Bantuan peruntukan diberikan kepada NGO bagi menganjurkan program dan aktiviti pembangunan belia dan sukan termasuklah bagi program-program yang dianjurkan bersama JBSN sama ada di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah.

Bagi tahun 2023, sebanyak RM16,559,805.00 telah diberikan kelulusan oleh Jawatankuasa Khas kepada 222 buah NGO. Ringkasan pemberian bantuan adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUAN	JUMLAH PENERIMA MANFAAT (NGO)	JUMLAH KELULUSAN (RM)
1.	PERLIS	11	275,060.00
2.	KEDAH	12	428,500.00
3.	PULAU PINANG	11	447,550.00
4.	PERAK	16	482,350.00
5.	SELANGOR	35	1,572,700.00
6.	WP KUALA LUMPUR	23	7,073,965.00
7.	WP PUTRAJAYA	7	1,666,800.00
8.	NEGERI SEMBILAN	12	938,940.00
9.	MELAKA	12	406,000.00
10.	JOHOR	15	479,760.00
11.	KELANTAN	7	271,600.00
12.	TERENGGANU	11	359,760.00
13.	PAHANG	15	498,350.00
14.	SABAH	15	688,360.00
15.	SARAWAK	14	738,010.00
16.	WP LABUAN	6	232,100.00
JUMLAH		222	RM16,559,805.00

3. SUMBER MANUSIA

JBSN beroperasi dengan kekuatan perjawatan sebanyak 1,381 merangkumi ibu pejabat, negeri, daerah dan APBM melibatkan kepelbagaian skim perkhidmatan yang diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dengan Gred Utama B (Terbuka).

Sebanyak 93.7% perjawatan telah diisi dengan kekosongan sebanyak 6.3%. Ringkasan perjawatan melibatkan JBSN adalah seperti berikut:

PENTADBIRAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
IBU PEJABAT	154	150	4
JBS NEGERI/ JBS WILAYAH PERSEKUTUAN	1,182	1,110	73
AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (APBM)	45	35	10
JUMLAH	1,381	1,295	87

4. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Syabas dan tahniah kepada 105 orang wira dan wirawati JBSN yang menerima pengiktirafan di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat JBSN Tahun 2023 pada 13 Julai 2023.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan bagi meraikan kecemerlangan warga kerja KBS termasuklah dalam kalangan JBSN yang turut merangkumi Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS Negeri), Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan (JBS Wilayah Persekutuan) dan Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM).

Majlis yang diadakan di Dewan MAKSAK Putra di Putrajaya ini disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh yang mana turut disiarkan secara dalam talian di platform Facebook.

Turut hadir, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim dan Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu serta Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad menyampaikan ucapan semasa Majlis APC JBSN Tahun 2023



Majlis penyampaian APC telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh



Pengurusan tertinggi JBSN hadir ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JBSN Tahun 2023

Ringkasan penerima APC adalah seperti berikut:

BIL	ORGANISASI	BILANGAN PENERIMA
1.	IBU PEJABAT JBSN	13
2.	JBS NEGERI PERLIS	2
3.	JBS NEGERI KEDAH	8
4.	JBS NEGERI PULAU PINANG	5
5.	JBS NEGERI PERAK	9
6.	JBS NEGERI SELANGOR	6
7.	JBS WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	6
8.	JBS NEGERI SEMBILAN	6
9.	JBS NEGERI MELAKA	3
10.	JBS NEGERI JOHOR	6
11.	JBS NEGERI KELANTAN	6
12.	JBS NEGERI TERENGGANU	5
13.	JBS NEGERI PAHANG	7
14.	JBS NEGERI SARAWAK	8
15.	JBS NEGERI SABAH	5
16.	JBS WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	2
17.	APBM BATU GAJAH	5
18.	APBM PORT DICKSON	3
JUMLAH		105 Orang



5. PENGURUSAN KOMPLEKS DAN FASILITI

JBSN turut menawarkan perkhidmatan penggunaan fasiliti dan kemudahan bagi menjalankan aktiviti pembangunan belia dan sukan melalui Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), Kompleks Rakan Muda (KRM), Kompleks Sukan Komuniti (KSK), Kompleks Sukan (KS) dan Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM).

Terdapat sebanyak 58 buah fasiliti dan kemudahan belia dan sukan di bawah kendalian JBSN di seluruh negara yang mana bagi tahun 2023 telah menjana hasil pendapatan sebanyak RM3.37 juta melibatkan penggunaan seramai 1,041,187 orang.



Kompleks Belia dan Sukan Negeri Perak yang terletak di Jalan Ghazali Jawi, Ipoh, Perak



Kompleks Belia dan Sukan Negeri Terengganu yang terletak di Jalan Pasir Panjang, Kuala Terengganu

Rumusan pelaporan pengurusan kompleks dan fasiliti di bawah JBSN adalah seperti berikut:

BIL	KEMUDAHAN (JUMLAH)	BIL TEMPAHAN	BIL PENGGUNA (ORANG)	JUMLAH HASIL (RM)
1.	KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN (14 BUAH)	18,114	689,108	1,897,989.27
2.	KOMPLEKS RAKAN MUDA (16 BUAH)	11,969	184,914	1,050,438.19
3.	KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI (16 BUAH)	3,153	87,385	225,648.00
4.	KOMPLEKS SUKAN (11 BUAH)	2,282	71,465	73,747.00
5.	AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA BATU GAJAH	82	8,315	119,223.00
JUMLAH KESELURUHAN		35,600	1,041,187	RM3,367,045.46

6. KOMUNIKASI DAN MEDIA

Pengurusan komunikasi dan media adalah sangat signifikan di dalam memastikan setiap maklumat dan aktiviti yang dianjurkan JBSN mendapat liputan dan hebahan. Strategi yang diaplikasikan JBSN adalah menerusi muat naik artikel dan berita di laman sosial bagi memastikan setiap hantaran mendapat liputan yang sewajarnya.

Muat naik adalah turut merangkumi gambar, maklumat dan info berkaitan penganjuran program dan aktiviti di bawah JBSN termasuklah di peringkat negeri. Setiap *focal point* yang dilantik perlu mengemukakan laporan secara bulanan bagi dilaporkan ke pengurusan tertinggi JBSN. Bagi tahun 2023, JBS Negeri Sarawak telah mengungguli statistik pelaporan dengan 670 muat naik.



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad menyampaikan sijil pencapaian kepada Pengarah JBS Negeri Sarawak, Encik Lamat Anak Nyalau

Statistik pelaporan penuh hantaran bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

BIL	JABATAN/ AKADEMI	JUMLAH
1.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK	670
2.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI MELAKA	620
3.	JABATAN BELIA DAN SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	419
4.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PAHANG	354
5.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI KEDAH	343
6.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK	295
7.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI KELANTAN	228
8.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI JOHOR	219
9.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SEMBILAN	215
10.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG	181
11.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SELANGOR	157
12.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERLIS	155
13.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA	135
14.	JABATAN BELIA DAN SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	126
15.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI TERENGGANU	118
16.	JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SABAH	106
17.	AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA BATU GAJAH	101
18.	AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA PORT DICKSON	63
JUMLAH		4,505



Sekretariat Komunikasi dan Media JBS Negeri turut menyertai Bengkel Pengurusan Komunikasi, Media dan Portal JBSN pada 27 Februari 2023 di Menara KBS



Penyelaras Komunikasi dan Media JBSN, Encik Fadzil Hadri Mohd Nawawi menyampaikan taklimat dan penerangan berkaitan pengurusan komunikasi dan media



Petugas Bahagian Pengurusan Maklumat KBS memberikan penerangan berkaitan pengurusan portal di Bengkel Pengurusan Komunikasi, Media dan Portal JBSN pada 27 Februari 2023 di Menara KBS




Petugas Komunikasi dan Media JBSN turut menyertai Hari Terbuka KBS sepanjang tahun 2023





LAPORAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA





Bahagian Pembangunan Belia (BPB) menjalankan fungsi melaksanakan dasar dan polisi berkaitan pembangunan belia di Malaysia dengan hasrat melahirkan belia sejahtera seterusnya bertindak sebagai pemangkin negara berdaya maju.

Bagi tahun 2023, BPB telah melaksanakan sebanyak 26 buah program merangkumi 397 aktiviti dengan penglibatan seramai lebih 2.2 juta orang penyertaan di seluruh negara.

Antara fungsi yang digerakkan oleh BPB adalah seperti berikut:

- Mengukuhkan pembangunan kepimpinan;
- Memantapkan program latihan keusahawanan;
- Menyediakan platform peluang dan penciptaan pekerjaan;
- Mengupayakan pertubuhan belia;
- Meningkatkan inisiatif pemerkasaan agenda sosial belia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- Menyediakan program keilmuan dan latihan melalui kerjasama pintar dengan pelbagai pihak berkepentingan.

PENGURUSAN BPB



Dr. Zainah binti Shariff
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Belia)
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Encik Mohd Izwandy bin Ismail
Pengarah
Caw. Pembangunan Kepimpinan
Bahagian Pembangunan Belia
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Puan Hartini binti A. Jabbar
Pengarah
Caw. Pembangunan Ekonomi
Bahagian Pembangunan Belia
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Encik Mohd Uzaini bin Mohamad Sani
Pengarah
Caw. Pembangunan Sosial
Bahagian Pembangunan Belia
Jabatan Belia dan Sukan Negara

Ringkasan pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan belia adalah seperti berikut:

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM JBSN BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA					
BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	PERINGKAT PELAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA (ORANG)
A. CAWANGAN PEMBANGUNAN KEPIMPINAN					
1.	PROGRAM FELO PERDANA	23 OGOS 2023	KEBANGSAAN	PEJABAT PMO, PUTRAJAYA	1,755
2.	ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA (KEBANGSAAN)	11 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	DEWAN AUDITORIUM CEMPAKA SARI, PUTRAJAYA	6,283
3.	ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA (NEGERI)	11 JUN - 2 DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	5,995
4.	Y-HUB	27 MAC - 11 DISEMBER 2022	NEGERI	KEDAH, SELANGOR, SABAH, KELANTAN, MELAKA & NEGERI SEMBILAN	6,241
JUMLAH					20,274
B. CAWANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI					
5.	JELAJAH GENTA BELIA	3 JUN - 28 OKTOBER 2023	DAERAH & KEBANGSAAN	DAERAH & KEBANGSAAN	44,785
6.	PROGRAM BELIA LESTARI	5 OGOS - 29 OKTOBER 2023	KEBANGSAAN	WP PUTRAJAYA, JOHOR, SELANGOR, PAHANG & SABAH	1,307
7.	SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR RURAL YOUTH (SERY)	JUN - DISEMBER 2022	KEBANGSAAN	PUTRAJAYA	109
8.	INTERVENSI PEMERKASAAN EKONOMI				
JUMLAH					46,201
C. CAWANGAN PEMBANGUNAN SOSIAL					
9.	MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA (NEGERI)	16 JUN - 6 OKTOBER 2022	NEGERI	NEGERI	1,349
10.	MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA (KEBANGSAAN)	23 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	PUSAT BELIA ANTARABANGSA, KUALA LUMPUR	132
11.	PARLIMEN BELIA MALAYSIA	15 - 17 OGOS 2023	KEBANGSAAN	PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR	99
12.	KEM BELIA SEJAHTERA (K-BEST)	7 SEPTEMBER - 19 NOVEMBER 2023	NEGERI	NEGERI	868
13.	BELIA MENCEGAH EKSTREMISME	18 - 19 DISEMBER 2023	KEBANGSAAN	ISTAC - UIAM, KUALA LUMPUR	366
14.	PROJEK REBEN KUNING	29 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	SEKOLAH HENRY GURNEY, MELAKA	100
15.	DARI BELIA UNTUK BELIA (Y2Y)	10 APRIL - 9 DISEMBER 2023	DAERAH	DAERAH	18,693
16.	KLD TUNAS SAMUDERA	6 - 18 JUN & 2 - 14 OKTOBER 2023	KEBANGSAAN	LUMUT, PERAK	48

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	PERINGKAT PELAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA (ORANG)
17.	HARI BELIA NEGARA (KEBANGSAAN)	27 - 28 MEI 2023	KEBANGSAAN	PEJABAT TANAH & DAERAH PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN	1,000,065
18.	HARI BELIA NEGARA (PERINGKAT NEGERI)	15 JULAI - 1 OKTOBER 2022	NEGERI	SELURUH NEGERI	1,137,105
19.	AKTIVITI AMBANG HBN DAERAH (PERINGKAT DAERAH)	23 JULAI - 27 NOVEMBER 2022	DAERAH	122 DAERAH	43,171
20.	MAJLIS ANTI PEMERDAGANGAN ORANG (PROGRAM TAMBAHAN DAN PERUNTUKAN PROGRAM DARIPADA KEMENTERIAN DALAM NEGERI)	24 - 26 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	TASOH LAKE RESORT, PERLIS	40
JUMLAH					2,202,036
D. UNIT INTEGRASI DAN PENGANTARABANGSAAN BELIA					
21.	YOUTH OPPORTUNITY AND EXCHANGE PROGRAMME	18 - 21 MAC 2023	KEBANGSAAN	APBM BATU GAJAH, PERAK	143
22.	PROGRAM KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN	28 NOVEMBER - 8 DISEMBER 2023	KEBANGSAAN	TOKYO, JEPUN	121
23.	PROGRAM PERTUKARAN BELIA MALAYSIA - KOREA	11 - 20 JULAI 2023	KEBANGSAAN	WP KUALA LUMPUR, MELAKA, SELANGOR & PAHANG	120
24.	PROGRAM PERTUKARAN BELIA MALAYSIA - SINGAPURA	10 - 13 SEPTEMBER 2023	KEBANGSAAN	WP KUALA LUMPUR	144
25.	WASSUP GANG PODCAST SERIES	6 APRIL - 8 DISEMBER 2023	KEBANGSAAN	SECARA DALAM TALIAN	2155
JUMLAH					2,683
E. UNIT PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN KEWANGAN					
26.	BENGGEL PELAKSANAAN PROGRAM BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA	24 - 26 FEBRUARI 2023	KEBANGSAAN	THE ACADEMY DRB-HICOM, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN	57
27.	BENGGEL PENGUKUHAN KEPIMPINAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA	16 - 18 JUN 2023	KEBANGSAAN	XCAPE RESORT, TAMAN NEGARA JERANTUT, PAHANG	32
JUMLAH					89
JUMLAH KESELURUHAN					2,271,283

1. HARI BELIA NEGARA

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir bagi merasmikan Karnival Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 pada 28 Mei 2023 bertempat di Padang Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bertemakan "Ini Masa Kita", majlis perasmian turut diserikan dengan kehadiran Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim.

Karnival ini dianjurkan bersempena dengan sambutan Hari Belia Negara yang disambut pada 15 Mei setiap tahun dan menjadi platform pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan khusus buat golongan belia Malaysia.

Penganjuran karnival yang bermula pada 27 Mei ini turut diserikan dengan pelbagai pengisian yang mesra belia antaranya himpunan komuniti belia, Jelajah Genta Belia, bengkel kemahiran, pertandingan sukan elektronik, pameran kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO), jualan usahawan belia, perkhemahan sukarelawan dan sebagainya.

Selain itu, YAB Perdana Menteri turut menyempurnakan pelancaran Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030) yang menjadi pelengkap kepada Dasar Belia Malaysia dan selari dengan dasar nasional terkini.

MPBM 2030 yang dibangunkan berdasarkan aspirasi golongan belia yang terkesan akibat pandemik COVID-19 memberikan penekanan kepada 4 teras, 11 objektif, 14 strategi dan 39 inisiatif.

Penganjuran sambutan Hari Belia Negara diyakini dapat memperkukuhkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara dan memperluaskan akses belia kepada inisiatif yang sedang/ akan dilaksanakan oleh kerajaan.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad serta Presiden Majlis Belia Malaysia, saudara Mohd Izzat Afifi Abdul Hamid.



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim merasmikan sambutan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Port Dickson



Majlis berlangsung meriah di Padang Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson



Perwakilan Majlis Belia Malaysia membacakan Ikrar Belia Malaysia

2. KEM PEMILIHAN PESERTA PROGRAM ANTARABANGSA

Seramai 143 orang belia hadir ke Akademi Pembangunan Belia Malaysia Batu Gajah (APBM Batu Gajah) di Tronoh, Perak bagi mengikuti Kem Pemilihan Peserta Program Antarabangsa.

Kem yang diadakan bermula 18 hingga 21 Mac 2023 ini adalah bertujuan mengenal pasti dan seterusnya memilih peserta belia yang berpotensi dan layak untuk mewakili negara ke program-program pertukaran belia di peringkat antarabangsa.

Antara program utama yang telah disertai oleh peserta kem yang berjaya adalah Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) melibatkan 11 orang peserta diketuai oleh Penolong Pengarah (Pembangunan Belia) JBS Negeri Terengganu, Puan Nurul Afifa Sofina Azmi. Program ini telah berlangsung bermula 29 November hingga 8 Disember 2023 bertempat di Tokyo, Jepun dengan mengangkat tema "What Youth Can Do in the New Era of Cooperation". Majlis pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim.

Selain itu, terdapat beberapa program antarabangsa lain yang turut disertai oleh peserta kem yang berjaya antaranya:

BIL	PROGRAM	JUMLAH PESERTA
1.	PROGRAM KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN (SSEAYP)	11
2.	PROGRAM PERTUKARAN BELIA MALAYSIA DAN KOREA SELATAN	20
3.	PROGRAM PERTUKARAN BELIA MALAYSIA DAN SINGAPURA	20
4.	GLOBAL YOUTH SUMMIT KOREA SELATAN 2023	3
5.	YOUTH EXCHANGE PROGRAMME OF NATIONAL CADET CORP OF INDIA (NCC)	4
JUMLAH		58 ORANG





"National Leader", Puan Nurul Afifa Sofina Azmi mengibarkan Jalur Gemilang selaku Ketua Kontinjen Malaysia ke Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP)



Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim bergambar kenangan bersama kontinjen Malaysia yang akan menyertai Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP)



Salah seorang daripada peserta yang menyertai kontinjen Malaysia ke Tokyo, Jepun bagi menyertai Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP)



Mantan "National Leader", Encik Syahmi Anis turut hadir memberikan sokongan kepada kontinjen Malaysia yang akan berlepas ke Jepun



3. JELAJAH GENTA BELIA

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir merasmikan Jelajah Genta Belia 2023 pada 3 Jun 2023 bertempat di Medan Kajang, Selangor.

Jelajah Genta Belia (JGB) anjuran JBSN merupakan inisiatif baharu KBS bagi membantu golongan belia dengan memberi pendedahan berkaitan inisiatif-inisiatif pemerkasaan ekonomi belia yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Inisiatif baharu ini memfokuskan kepada generasi muda terutamanya belia luar bandar selaras dengan hasrat kementerian untuk meningkatkan lagi penyertaan dan penglibatan belia di peringkat akar umbi.

JGB juga telah dilaksanakan di 43 lokasi melibatkan beberapa daerah terpilih di seluruh negara bermula Jun hingga Oktober 2023.

Antara rakan strategik yang turut menjayakan JGB adalah Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Jabatan Pertanian Malaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA), badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain.



Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir merasmikan Jelajah Genta Belia di Medan Kajang



Anak muda membuat persembahan di Majlis Perasmian Jelajah Genta Belia 2023 di Medan Kajang



Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim dan Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad bergambar kenangan bersama jemputan

4. PARLIMEN BELIA MALAYSIA

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir ke Sesi Pengguguran Persidangan Parlimen Belia Malaysia Sidang 1 Tahun 2023 seterusnya menyempurnakan penyampaian watakah pelantikan Ahli Parlimen Belia Malaysia Sesi 2023/ 2024 pada 17 Ogos 2023 bertempat di Parlimen Malaysia.

Parlimen Belia Malaysia merupakan program anjuran KBS menerusi JBSN mengguna pakai model pelaksanaan Parlimen Malaysia.

Program ini bertujuan untuk melatih dan melahirkan barisan pelapis kepimpinan muda yang berkaliber dan berwibawa sejajar dengan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030).

Seramai 99 orang Ahli Parlimen Belia Malaysia mewakili setiap negeri dan Wilayah Persekutuan terpilih melalui proses pemilihan secara dalam talian yang meliputi pencalonan, sesi berkempen dan pengundian calon bermula dari 7 Jun hingga 20 Julai 2023.

Sebanyak empat (4) usul dibahaskan bagi persidangan kali ini yang mana turut dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari Abdul.

Persidangan yang berlangsung pada 16 hingga 17 Ogos ini telah meluluskan usul berikut:

<p>A</p> <p>SUPAYA KERAJAAN MEMINDA AKTA PENCEGAHAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 BAGI PERSEDIAAN MENGHADAPI KRISIS KESIHATAN PENYAKIT BERJANGKIT DAN VIRUS.</p>	<p>B</p> <p>SUPAYA AKTA KERJA 1955 DIPINDA ATAU AKTA BAHARU DIWUJUDKAN DENGAN MENGAMBIL KIRA SEKTOR EKONOMI GIG, PEKERJA BERSTATUS KONTRAK DAN PELAJAR INTERNSHIP.</p>	<p>C</p> <p>SUPAYA KERAJAAN MEBENTANGKAN KERTAS PUTIH PENDIDIKAN BAGI PENYELESAIAN KEPADA ISU PENDIDIKAN DAN PEKERJAAN.</p>	<p>D</p> <p>SUPAYA KERAJAAN MELAKSANAKAN DASAR PEMISAHAN KUASA UNTUK MENGEKALKAN INTEGRITI INSTITUSI-INSTITUSI.</p>
---	--	---	---

Sesi persidangan turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatarasu dan Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Sesi perbahasan usul Persidangan Parlimen Belia Malaysia berlangsung di Parlimen Malaysia



Ahli Parlimen Belia Malaysia berbahas mengenai pembangunan belia di Malaysia



Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari Abdul bergambar kenangan bersama barisan Ahli Parlimen Belia Malaysia


5. FELO PERDANA

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Felo Perdana pada 23 Ogos 2023 bertempat di Dewan Teater, Aras 1, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.

Felo Perdana merupakan program berbentuk *mentoring* dan *internship* dengan matlamat melahirkan golongan belia yang dinamik, berdaya saing, mempunyai pengetahuan yang relevan berkaitan sistem pentadbiran negara dan bersedia menghadapi cabaran pada masa akan datang selaras dengan aspirasi di bawah kerangka Malaysia MADANI.

Melalui program ini, felo akan mendapat bimbingan dan menimba pengalaman berkhidmat secara terus daripada Ahli Jemaah Menteri dengan nisbah dua orang bagi setiap Ahli Jemaah Menteri dan seorang bagi Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Objektif pelaksanaan program Felo Perdana adalah seperti berikut:



Bagi edisi 2023, seramai 56 orang felo telah dipilih dan akan memulakan tugas mulai 23 Ogos sehingga 31 Disember 2023. Semua felo dipilih telah melalui sesi orientasi bermula pada 20 hingga 22 Ogos 2023 di Institut Semarak Felda, Bangi.

Majlis penyerahan turut diserikan dengan kehadiran Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Ahli Kabinet dan peserta Felo Perdana 2023 bergambar kenangan



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir menyempurnakan Majlis Penyerahan Felo Perdana 2023



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim memberikan ucapan kepada barisan peserta Felo Perdana 2023

6. ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 bertempat di Auditorium Cempaka Sari, Putrajaya pada 11 November 2023.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim dan Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu serta Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.

APBN yang diperkenalkan sejak 1988 ini mempertandingkan empat (4) kategori anugerah utama, dua (2) kategori anugerah khas dan lima (5) kategori ikon belia.

Bagi kategori anugerah utama, pencalonan di peringkat negeri telah bermula pada bulan April 2023, dengan pemenang setiap negeri akan dicalonkan untuk anugerah kebangsaan.

Bagi kategori anugerah khas dan ikon belia pula, pencalonannya adalah di peringkat kebangsaan sahaja. Penerima anugerah akan membawa pulang hadiah wang tunai, trofi dan sijil.

Selain itu, Anugerah Khas Inspirasi yang merupakan penghargaan khas YB Menteri Belia dan Sukan telah diperkenalkan pada tahun 2023 yang mana penerima akan menerima trofi dan sijil.

Pemenang APBN Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 telah dipilih oleh panel penilai yang mempunyai kepakaran dalam kategori masing-masing sebelum dipersetujui oleh Jawatankuasa Pengesahan Pemenang APBN.

Pelaksanaan APBN diharap dapat menjadi pemangkin semangat kepada pemenang dan belia yang lain untuk terus menyumbang kepada agenda pemerkasaan dan pembangunan belia di semua peringkat serta mencapai kejayaan yang lebih membanggakan pada masa akan datang.

Senarai penerima APBN seperti berikut:

BIL	KATEGORI	PENERIMA
1.	PERTUBUHAN BELIA	PERSATUAN BELIA (MBFM) FELDA KERTEH 03
2.	INDIVIDU LELAKI	ENCIK MOHAMMAD SYAFIQ RIDZWAN BIN JAMALUDDIN
3.	INDIVIDU WANITA	CIK DEBBIE GIBSON ANAK MEDAN
4.	EMAS REMAJA PERDANA	ENCIK DINESHKUMAR A/L NARAYANASAMY
5.	ANUGERAH KHAS	CIK SIVASANGARI SUBRAMANIAM

BIL	KATEGORI	PENERIMA
6.	ANUGERAH KHAS INSPIRASI	PUAN INTAN ZULAIKHA BINTI JUSOH
7.	IKON BELIA KARISMATIK	DR. MUHAMMAD TALHAH BIN AJMAIN @ JIMA'AIN
8.	IKON BELIA REKA TEKNO	DR. ALEXANDER CHOO CHIA CHUN
9.	IKON BELIA KELESTARIAN ALAM	ENCIK MUHAMMAD NAILI JAZLI BIN MOHD JAMSARI
10.	IKON YOUTH-BIZ	ENCIK MUHAMMAD AL AHNAF BIN MOHD ROSLAN
11.	IKON BELIA OKU	ENCIK MOHD FAIZ BIN SHUHAIMI



Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023



Penerima Anugerah Khas bergambar kenangan bersama Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh



Barisan penerima anugerah bergambar kenangan bersama pengurusan tertinggi KBS dan JBSN

7. MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir mempengerusikan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) bagi Sidang I, Penggal 34, Sesi 2023 – 2024 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur pada 23 November 2023.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim dan Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu.

Turut hadir, Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad dan Presiden Majlis Belia Malaysia, saudara Mohd Izzat Afifi Abd Hamid.

MPBN yang diperuntukkan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (AKTA 668) merupakan sesi libat urus dan persidangan intelektual yang menghubungkan pemimpin pertubuhan belia negeri dan kebangsaan dengan wakil-wakil kementerian dan agensi persekutuan.

Lima (5) usul pembangunan belia telah dibahaskan oleh perwakilan sepanjang berlangsungnya persidangan seperti berikut:

BIL	USUL
1.	BAHAWA SIDANG INI MENGAMBIL KETETAPAN AGAR INSTITUSI KERAJAAN MEMPERKASA INISIATIF PEMBANGUNAN KARAKTER BELIA DAN PEMERKASAAN NEGARA BANGSA.
2.	BAHAWA SIDANG INI MENGAMBIL KETETAPAN AGAR MENUBUHKAN JAWATANKUASA BAGI MENGAJI CADANGAN AGAR AHLI-AHLI PERTUBUHAN BELIA DAN PEMIMPIN BELIA DIBERI PERANAN SEBAGAI PEMBANTU GURU DI SEKOLAH BAGI MENANGANI MASALAH BEBAN TUGAS PENDIDIK.
3.	BAHAWA SIDANG INI MENGAMBIL KETETAPAN BAGI MEMOHON KERAJAAN MENGAJI PENGGUBALAN DASAR PEKERJA BELIA PROFESIONAL.
4.	BAHAWA SIDANG INI MENGGESA AGAR KERAJAAN SEGERA MENGAJI SEMULA PERSEMPADANAN PILIHANRAYA DI ATAS FAKTOR PENINGKATAN PENGUNDI MUDA SELEPAS PINDAAN PERLEMBAGAAN UNDI 18.
5.	BAHAWA SIDANG INI MENCADANGKAN KEPADA PIHAK KERAJAAN UNTUK MEWUJUDKAN DAN MEMPERKASA EKOSISTEM SOKONGAN DALAM USAHA MEMARTABATKAN SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI DAN EKONOMI (STIE).



Ahli MPBN merakamkan gambar kenangan sebelum persidangan bermula



Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh menyerahkan Watikah Pelantikan Ahli MPBN bagi Penggal Ke-34, Sesi 2023 - 2024



Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim menyampaikan ucapan di Persidangan MPBN bagi Penggal Ke-34, Sesi 2023 - 2024



Salah seorang perwakilan berbahas mengenai usul pembangunan belia di persidangan MPBN di Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur



8. PROJEK REBEN KUNING

Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Projek Reben Kuning 2023 bertempat di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka pada 29 November 2023.

Projek Reben Kuning merupakan sebuah inisiatif intervensi sosial oleh KBS menerusi JBSN dan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia.

Projek ini bertujuan untuk memberi peluang kedua kepada banduan belia dari Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) dan penghuni Sekolah Henry Gurney menerusi program-program latihan pembangunan kemahiran.

Pengisian utama di bawah projek ini adalah pelaksanaan program latihan kemahiran selama lima (5) hari kepada peserta/ pelatih yang dipilih oleh Jabatan Penjara Malaysia. Peserta/ pelatih terdiri daripada 100 orang banduan belia dari PRP dan penghuni Sekolah Henry Gurney yang berumur antara 15 hingga 40 tahun.

Sebanyak sepuluh (10) kursus kemahiran yang dikendalikan oleh tenaga pengajar bertauliah dari ILKBS terpilih bermula 7 Oktober hingga 10 November 2023.

Majlis penutup turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Ketua Setiausaha KBS, Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu menyampaikan sijil penyertaan kepada penghuni Henry Gurney



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad hadir menyaksikan penyerahan sijil penghargaan kepada Jabatan Penjara Malaysia





Majlis penutup turut
diserikan dengan kehadiran
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Belia) JBSN,
Dr. Zainah Shariff

9. SOCIAL ENTREPRENEURSHIP FOR RURAL YOUTH

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim telah hadir menyempurnakan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah *Social Entrepreneurship for Rural Youth (SERY) 2023* bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur pada 21 Disember 2023.

SERY merupakan program latihan berstruktur dan komprehensif dengan elemen bimbingan dan pementoran bagi pengukuhan potensi belia dalam bidang keusahawanan sosial seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan komuniti di luar bandar.

Program SERY merupakan inisiatif KBS menerusi JBSN dengan kerjasama rakan pelaksana myHarapan dan rakan strategik iaitu Pusat Belia Antarabangsa, NAMA Foundation dan Youth Environment Living Labs, United Nations International Children's Emergency Fund serta Institut Keusahawanan Negara di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

SERY dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan dengan melibatkan lima (5) fasa secara berkumpulan iaitu Fasa 1 (Promosi dan Hebahan), Fasa 2 (*Sesi Think, Talk, Take Action*), Fasa 3 (*Bootcamp*), Fasa 4 (Prototaip dan Pengesahan) dan Fasa 5 (Pembentangan Akhir).

Sebanyak 10 kumpulan telah bersaing di peringkat penilaian akhir berasaskan dua (2) kategori iaitu Pembangunan Komuniti atau Alam Sekitar. Kumpulan dinilai berdasarkan impak dan matlamat sosial yang telah berjaya dicapai semasa fasa prototaip dan pengesahan.

Senarai pemenang adalah seperti berikut:

BIL	KEPUTUSAN
1.	JOHAN : SWD MULCH
2.	NAIB JOHAN : ECODE
3.	KETIGA : DAPUR KITA





Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim



Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim beramah mesra bersama salah satu pasukan yang bertanding



Ketua Setiausaha KBS, Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu meninjau perkembangan peserta SERY membangunkan projek masing-masing




Peserta SERY mengabdikan kenangan ketika mengadakan lawatan institusi bagi bertukar idea, pandangan dan pengalaman



LAPORAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN





Bahagian Pembangunan Sukan (BPS) menjalankan fungsi melaksanakan dasar dan polisi berkaitan pembangunan sukan untuk semua dengan memainkan peranan meningkatkan penyertaan masyarakat dalam sukan melalui pendidikan dan amalan gaya hidup aktif.

Selain itu, BPS turut berperanan mengoptimumkan penggunaan dan aksesibiliti kemudahan sukan dan rekreasi selaras dengan aspirasi pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat terutamanya yang berada di bawah pentadbiran JBSN.

Bagi tahun 2023, sebanyak 2,685 aktiviti pembangunan sukan telah dijalankan dengan penglibatan lebih dari 5 juta orang penyertaan merangkumi peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Antara fungsi yang digerakkan oleh BPS adalah seperti berikut:

- Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam sukan melalui pendidikan dan amalan gaya hidup aktif;
- Menyediakan platform penyerlahan dan pencarian bakat akar umbi;
- Mengoptimumkan penggunaan dan aksesibiliti kemudahan sukan dan rekreasi;
- Mengukuhkan jaringan kerjasama dengan pemegang taruh seperti badan sukan, NGO, Majlis Sukan Negeri, sektor swasta dan korporat dan seumpamanya; dan
- Memperkasakan badan dan penggerak sukan.

PENGURUSAN BPS



Encik Sabran bin Abd Bahar
Pengarah

Caw. Penggalakan dan Pembangunan Sukan
Bahagian Pembangunan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Encik Abd Aziz bin Abd Rahman
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Sukan)
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Encik Nor Azli bin Mohamad Daud
Pengarah

Caw. Pembangunan Sukan Rekreasi
Bahagian Pembangunan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Encik Dharzuky bin Daud @ Zakaria
Pengarah

Caw. Kecergasan Nasional
Bahagian Pembangunan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Puan Siti Mariam binti Ahmad Tobias
Pengarah

Caw. Pembangunan Sukan OKU
Bahagian Pembangunan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan Negara

Ringkasan pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan sukan adalah seperti berikut:

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM JBSN BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN					
BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	PERINGKAT PELAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA (ORANG)
A. CAWANGAN PENGGALAKAN DAN PEMBANGUNAN SUKAN					
1.	KEJOHANAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI	25 MEI 2023	KEBANGSAAN	STADIUM TITIWANGSA, KL	867
2.	AKTIF @ SUKAN LUAR BANDAR	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	KEDAH, KELANTAN & SABAH	1,116
3.	MALAYSIA AKTIF @ KOMUNITI	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGARA	15,896
4.	PROGRAM PEMBUDAYAAN SUKAN UNTUK SEMUA	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI DAN KEBANGSAAN	SELURUH NEGARA	8,770
5.	SPORT STACKING CHALLENGE	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	PULAU PINANG, KUALA LUMPUR, MELAKA, KEDAH, SABAH & SARAWAK	994
6.	INSPIRASI WANITA AKTIF	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	PERAK, PERLIS & JOHOR	377
7.	LIGA SUKAN KOMUNITI	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	NEGERI, DAERAH DAN KEBANGSAAN	66,544
8.	1000 LIGA	APRIL - DISEMBER 2023	DAERAH	SELURUH NEGARA	47,452
9.	HARI SUKAN NEGARA	APRIL - OKTOBER 2023	DAERAH, NEGERI DAN KEBANGSAAN	SELURUH NEGARA	4,979,795
10.	TAYANGAN SKRIN BESAR	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI DAN KEBANGSAAN	SELURUH NEGARA	258,211
11.	WOMEN SPORTS CHALLENGE	12 - 14 JANUARI 2024 (DITANGGUHKAN KE 2024)	KEBANGSAAN	SELANGOR	840
12.	PERUNTUKAN WANITA DALAM SUKAN , W-FIT @ COMMUNITY, POGRAM KECERGASAN WANITA WARGA EMAS DAN FIT & ACTIVE FAMILY	APRIL - DISEMBER 2023	DAERAH DAN NEGERI	SELURUH NEGARA	29,340
13.	WOMEN SPORTS CHALLENGE	APRIL - DISEMBER 2023	ZON	PAHANG, SABAH, SARAWAK, JOHOR, PERAK & KEDAH	2,758
14.	MALAYSIA AKTIF @ KOMUNITI	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGARA	52,497
15.	AKTIF @ LUAR BANDAR	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGARA	44,644
JUMLAH					5,510,101

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	PERINGKAT PELAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA (ORANG)
B. CAWANGAN KECERGASAN NASIONAL					
16.	KURSUS SAINS SUKAN (KECERGASAN)	APRIL – DISEMBER 2023	NEGERI DAN KEBANGSAAN	WP KUALA LUMPUR & SELANGOR	88
17.	RUNNING EDUCATION SKILL TRAINING (R.E.S.T)	23 SEPTEMBER 2023	KEBANGSAAN	PUTRAJAYA	119
18.	BICYCLE EDUCATION SKILL TRAINING (B.E.S.T)	4 – 5 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	PERAK	15
19.	KBS X KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	25 JUN 2023	KEBANGSAAN	WP KUALA LUMPUR	5,470
20.	FIT @ COMMUNITY	APRIL – DISEMBER 2023	NEGERI DAN KEBANGSAAN	SELURUH NEGARA	13,228
21.	KLAS RENANG	APRIL – DISEMBER 2023	DAERAH	SELURUH NEGARA	1,274
22.	FIT MALAYSIA	APRIL – DISEMBER 2023	NEGERI DAN KEBANGSAAN	SELURUH NEGARA	174,390
JUMLAH					194,584
C. CAWANGAN PEMBANGUNAN SUKAN REKREASI					
23.	EKSPLORASI ALAM KEBANGSAAN	15-18 JUN 2023	KEBANGSAAN	ULU CAMP VILLAGE, GOPENG PERAK	40
24.	EKSPLORASI ALAM KEDAH	APRIL – DISEMBER 2023	ZON	PULAU SONGSONG, YAN	31
25.	EKSPLORASI ALAM WP. KUALA LUMPUR	APRIL – DISEMBER 2023	ZON	HIMALAYA CAMPING RESORT GOPENG, PERAK	30
26.	EKSPLORASI ALAM JOHOR	APRIL – DISEMBER 2023	ZON	ECO TIMBA, GUNUNG PULAI	30
27.	EKSPLORASI ALAM TERENGGANU	APRIL – DISEMBER 2023	ZON	TASIK KENYIR, HULU TERENGGANU	34
28.	EKSPLORASI ALAM SABAH	APRIL – DISEMBER 2023	ZON	TAMAN SABAH SORINSIM, KOTA MERUDU	30
29.	BENGGEL PEMURNIAN KURSUS REKREASI SIRI 1	10 – 12 MAC 2023	KEBANGSAAN	GRAND DARUL MAKMUR, KUANTAN	33
30.	BENGGEL PEMERKASAAN BPS	13 – 5 MEI 2023	KEBANGSAAN	PUSAT LATIHAN MARDI, CAMERON HIGHLANDS, PAHANG	34
31.	BENGGEL PENYELARASAN DATA (DSK)	30 NOVEMBER – 03 DISEMBER 2023	KEBANGSAAN	AMES HOTEL AYER KEROH, MELAKA	34
32.	CABARAN KINABALU	10 – 12 DISEMBER 2023	KEBANGSAAN	KINABALU PARK, KUNDASANG, SABAH	21
33.	KLASS CUB PRIX KBS	APRIL – DISEMBER 2023	ZON	SELURUH NEGARA	329
34.	KLASS PUSH BIKE	29 – 30 DISEMBER 2023, 5-6 JANUARI 2024, 2-13 JANUARI 2024	KEBANGSAAN	KUALA LUMPUR	148

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	PERINGKAT PELAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA (ORANG)
35.	KLASS DRIFT KBS	28-29 OKTOBER 2023	KEBANGSAAN	SELANGOR	40
36.	PERLUMBAAN DRIFT KBS	14 - 15 OKTOBER 2023	KEBANGSAAN	SELANGOR	120
37.	TEST N TUNE KBS	APRIL - DISEMBER 2023	ZON	MELAKA, TERENGGANU & NEGERI SEMBILAN	833
38.	KLASS GYMKHANA KBS	APRIL - DISEMBER 2023	ZON	PERAK, PAHANG & PULAU PINANG	93
39.	KLASS RADIO AMATUR	19 DISEMBER 2023	KEBANGSAAN	KUALA LUMPUR	40
40.	MY ACTIVE MOTORSPORTS	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGARA	1,152
JUMLAH					3,072
D. CAWANGAN PEMBANGUNAN SUKAN OKU					
41.	INSPIRE ITALENT	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGARA	894
42.	SYNERGY INSPIRE	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGARA	636
43.	MALAYSIA AKTIF @INSPIRE EKSPLORASI	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGARA	573
45.	MALAYSIA AKTIF @ SINERGI BAKAT OKU	APRIL - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGARA	1,252
46.	KURSUS SPORT MASSAGE OKU	2 - 5, 24 - 26 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	SELANGOR & JOHOR	80
47.	SUKARELAWAN OKU AKTIF	28 - 30 OKTOBER & 28-30 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	KEDAH & SARAWAK	81
JUMLAH					3,516
JUMLAH KESELURUHAN					5,711,273

1. HARI SUKAN NEGARA

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir merasmikan Majlis Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 bertempat di Pekarangan Istana Kehakiman, Putrajaya pada 14 Oktober 2023.

Majlis sambutan turut diserikan dengan kehadiran Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim. Turut hadir, Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.

Hari Sukan Negara (HSN) merupakan agenda nasional yang disambut secara tahunan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober. HSN berhasrat membudayakan dan merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup cergas dan aktif selaras dengan kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030.

Sambutan turut diisi dengan penganjuran 66 buah acara dan aktiviti sukan dan rekreasi bermula 13 hingga 15 Oktober 2023 seperti Jelajah Fit Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 (larian, berbasikal & jalan kaki), senamrobik, bola keranjang 3X3, kabbadi, sukan elektronik dan banyak lagi.

Selain itu, turut dianjurkan adalah program dan aktiviti mesra OKU, kanak-kanak dan warga emas seperti Karnival Inspire OKU Aktif, *Active Ageing*, sukaneka dan sebagainya.

Penganjuran HSN diyakini meningkatkan penglibatan rakyat dalam aktiviti sukan dan rekreasi seterusnya memperkukuhkan pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat selain mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi nasional.



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir ke Majlis Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Putrajaya



Jemputan kehormat melepaskan peserta larian sempena sambutan Hari Sukan Negara 2023



Antara aktiviti kecergasan yang dilaksanakan di sambutan Hari Sukan Negara Tahun 2023

2. JELAJAH FIT MALAYSIA

Fit Malaysia merupakan inisiatif KBS menerusi JBSN dengan hasrat untuk membudaya dan merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup aktif, cergas dan sihat seiring dengan aspirasi di bawah kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030).

Penganjuran program adalah berkonsepkan karnival kecergasan dengan pengisian aktiviti seperti *fun ride 10 km & 30 km*, *fun run 5 km & 10 km*, *fun walk 3 km*, senamrobik, lompat tali, pameran kecergasan & kesihatan dan banyak lagi.

Bertemakan “*Let’s Get Fit*”, program ini dianjurkan dengan objektif seperti berikut:

Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan mengamalkan gaya hidup aktif, cergas dan sihat.

Membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat dengan dengan amalan gaya hidup aktif dan cergas.

Memperkuhkan perpaduan dan integrasi nasional menerusi penganjuran dan penyertaan di dalam acara sukan.



Jelajah Fit Malaysia telah berlangsung dengan jayanya di seluruh negara seperti berikut:

BIL	NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUAN	TARIKH	LOKASI
1.	PULAU PINANG	6 OGOS 2023	PADANG KOTA LAMA, GEORGE TOWN
2.	TERENGGANU	19 OGOS 2023	BANDAR BARU KUALA NERUS
3.	PERAK	20 OGOS 2023	KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK, IPOH
4.	LABUAN	20 OGOS 2023	KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA
5.	KELANTAN	26 OGOS 2023	AEON MALL KOTA BHARU
6.	SABAH	27 OGOS 2023	KOMPLEKS SUKAN LIKAS, KOTA KINABALU
7.	SELANGOR	2 SEPTEMBER 2023	GAMUDA COVE, KUALA LANGAT
8.	SARAWAK	9 SEPTEMBER 2023	KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK, KUCHING
9.	PAHANG	9 SEPTEMBER 2023	STADIUM DARUL MAKMUR, KUANTAN
10.	KEDAH	9 SEPTEMBER 2023	POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH, JITRA
11.	NEGERI SEMBILAN	10 SEPTEMBER 2023	D'TEMPAT, SENDAYAN
12.	MELAKA	17 SEPTEMBER 2023	PANTAI TANJUNG BIDARA
13.	PERLIS	17 SEPTEMBER 2023	KOMPLEKS SUKAN UNIMAP
14.	JOHOR	23 SEPTEMBER 2023	AEON MALL BANDAR DATO' ONN, JOHOR BAHRU
15.	KUALA LUMPUR	24 SEPTEMBER 2023	DATARAN MERDEKA
16.	PUTRAJAYA	14 OKTOBER 2023	DATARAN PUTRAJAYA



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad turut menyertai acara berjalan ria di Jelajah Fit Malaysia Peringkat Negeri Pahang Tahun 2023 di Kuantan pada 9 September 2023



Ribuan peserta membanjiri Pantai Tanjung Bidara bagi menyertai acara larian 5 km di Jelajah Fit Malaysia Peringkat Negeri Melaka Tahun 2023 pada 17 September 2023



Ribuan peserta menyertai Jelajah Fit Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Dataran Putrajaya pada 14 Oktober 2023



Ribuan peserta melakukan regangan sebelum menyertai acara larian di Jelajah Fit Malaysia Peringkat Negeri Johor Tahun 2023 di Bandar Dato' Onn, Johor Bahru pada 23 September 2023



3. TAYANGAN SKRIN BESAR

KBS komited meningkatkan akses kepada sukan dalam kalangan masyarakat termasuklah menerusi sokongan kepada pasukan negara yang bertanding di kejohanan sukan di peringkat antarabangsa.

Antara inisiatif yang telah diambil bagi menyemarakkan sokongan adalah menerusi penganjuran program tayangan skrin besar yang mana dianjurkan menerusi JBSN termasuklah di peringkat negeri.

Bagi tahun 2023, program ini telah dijalankan di 175 buah lokasi di seluruh Malaysia melibatkan kehadiran penonton seramai 250,211 orang. Antara kejohanan utama yang telah ditayangkan adalah seperti Kejohanan Piala AFF 2022, Pusingan Kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027, Piala Dunia Hoki FIH 2023 dan sebagainya.

Penganjuran program juga diyakini menyokong hasrat di dalam memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat menerusi sokongan tidak berbelah bahagi kepada pasukan Malaysia.



Menteri Belia dan Sukan,
YB Hannah Yeoh turut hadir ke program
Tayangan Skrin Besar di Dataran Putrajaya



TKP (Pembangunan Sukan) JBSN, Encik
Abd Aziz Abd Rahman meraikan
jaringan pasukan Malaysia di program
Tayangan Skrin Besar di
Dataran Putrajaya



Antara penyokong tegar yang hadir
ke program Tayangan Skrin Besar di
Laman MBPJ, Petaling Jaya

4. KARNIVAL SUKAN EKSTREM

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir merasmikan Karnival Sukan Ekstrem Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 bertempat di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara pada 25 Februari 2023.


Karnival ini diadakan bagi memperkasakan pembangunan sukan dengan mempertingkatkan usaha mencari bakat baharu sukan negara termasuklah sukan ekstrem.

Sebanyak empat (4) acara sukan ekstrem yang dipertandingkan iaitu inline skating, skateboarding, BMX dan larian berhalangan yang mana diadakan dengan sokongan Persekutuan Luncur Beroda Malaysia (MYSKATE), Persatuan Larian Berhalangan Malaysia (MORSA), Persatuan Inline Skate Wilayah Persekutuan Putrajaya (PISA) dan Kelab Sukan Rekreasi Titiwangsa.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh menyempurnakan perasmian Karnival Sukan Ekstrem Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 bertempat di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara



Aksi yang dipamerkan oleh peserta wanita yang turut serta dalam Karnival Sukan Ekstrem



Antara aksi basikal BMX yang dipamerkan peserta di Karnival Sukan Ekstrem



5. SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT KBS

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir merasmikan Majlis Sambutan Hari Wanita Peringkat KBS Tahun 2023 bertempat di Pusat Dagangan NZX, Lembah Subang, Petaling Jaya pada 11 Mac 2023.

Sambutan ini diadakan bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa bertemakan “Kasih Wanita” yang disambut secara tahunan pada 8 Mac.

Pelbagai pengisian program dan aktiviti diselaraskan oleh JBSN antaranya senamrobik, bola jaring 3 X 3 dan pertandingan mewarna kanak-kanak.

Bertepatan dengan aspirasi memperkasakan wanita, sambutan ini adalah seiring dengan hasrat yang digarap di bawah Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan yang mana telah dilancarkan oleh KBS pada tahun 2021 bagi memastikan keterlibatan wanita yang lebih inklusif dan menyeluruh.

Selain aktiviti sukan, KBS turut membawa Sukarelawan Anak Malaysia (SATRIA) bagi mengadakan inisiatif kesukarelawanan menerusi aktiviti gotong-royong di PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya.

Turut hadir, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim dan Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu serta Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim menyertai sambutan Hari Wanita Peringkat KBS Tahun 2023 di Lembah Subang



Aktiviti senamrobik yang dikendalikan oleh Team JBSN



Ketua Setiausaha KBS, Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu menyertai aktiviti gotong-royong selepas Majlis Perasmian Hari Wanita Peringkat KBS Tahun 2023

6. KEMAHIRAN LATIHAN ASAS SUKAN: RENANG

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah menyempurnakan pelancaran program Kemahiran Latihan Asas Sukan: Renang (KLAS Renang) bertempat di Swim Splash Academy, Taman Kepong, Kuala Lumpur pada 13 Mei 2023.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.

KLAS Renang merupakan sebuah inisiatif baharu KBS menerusi JBSN dengan sokongan Persatuan Perenang dan Jurulatih Renang Malaysia (MASWIM) dengan hasrat untuk mengurangkan kadar kematian akibat lemas melibatkan kanak-kanak di seluruh negara yang mana peserta akan didedahkan dengan teknik asas berenang (*learn to swim*).

Program ini turut disokong oleh rakan strategik, syarikat Allianz Malaysia Berhad, Nestle Products Sdn. Bhd., Pos Malaysia Berhad dan Decathlon Malaysia Sdn. Bhd. Pelaksanaan program memberikan fokus kepada penyertaan secara percuma khusus untuk kanak-kanak daripada keluarga B40 yang berusia 6 hingga 12 tahun.

Bagi tahun 2023, penyertaan peserta program telah merekodkan seramai 6,680 orang penyertaan di seluruh negara termasuklah bagi siri khas yang melibatkan kanak-kanak, OKU dan warga emas.





Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh melancarkan program KLAS Renang di Taman Kepong pada 13 Mei 2023



Program KLAS Renang dikendalikan oleh jurulatih profesional dan bertauliah

7. KEJOHANAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir merasmikan Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 bertempat di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 21 Mei 2023.

Kejohanan ini merupakan inisiatif KBS menerusi JBSN khusus untuk memperkasakan pembangunan sukan seni mempertahankan diri terutamanya di peringkat akar umbi menerusi penganjuran kejohanan seterusnya mencungkil bakat baharu sukan negara.

Sebanyak 4 acara sukan seni mempertahankan diri dipertandingkan iaitu silat, wushu, tae kwan do dan silambam dengan penglibatan penyertaan keseluruhan seramai 1,200 orang.

Penganjuran kejohanan diyakini dapat memberikan impak positif bagi pembangunan sukan terutamanya seni mempertahankan diri dan seterusnya melahirkan bakat baharu untuk mewakili negara di masa hadapan.

Majlis perasmian turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



•••
Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir ke Majlis Perasmian Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur



•••
Antara aksi bertenaga yang dipamerkan semasa majlis perasmian di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur



•••
Peserta bagi acara wushu mempersembahkan aksi bertenaga bagi memikat juri



•••
Acara silat olahraga turut dipertandingkan di Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Peringkat Kebangsaan Tahun 2023

8. MALAYSIA AKTIF @ KOMUNITI

Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah melancarkan program Malaysia Aktif @ Komuniti bertempat di PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang pada 10 Jun 2023.

Program ini merupakan inisiatif baharu KBS menerusi JBSN dengan sokongan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi merealisasikan hasrat membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat khususnya di komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Projek Perumahan Awam (PPA).

Dengan pengisian utama iaitu aktiviti senamrobik, program telah berjalan setiap hari Sabtu atau Ahad selama 30 minggu (seminggu satu sesi) bermula bulan Jun hingga Disember 2023 dengan penyertaan seramai 15,526 orang.

Majlis pelancaran turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad dan Pengarah JBS Negeri Pulau Pinang, YBrs. Encik Mozakir Buyong Mokhtar.



Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh menyertai aktiviti senamrobik semasa Majlis Pelancaran Program Malaysia Aktif @ Komuniti



Antara peserta yang hadir ke Majlis Pelancaran Program Malaysia Aktif @ Komuniti di PPR Taman Bagan Jaya, Pulau Pinang



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad turut menyertai aktiviti sukan tradisional semasa majlis pelancaran

9. MAJLIS SAMBUTAN HARI PENCEGAHAN LEMAS SEDUNIA PERINGKAT KBS

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir merasmikan sambutan Hari Pencegahan Lemas Sedunia Peringkat KBS Tahun 2023 bertempat di Kelantan Golf and Country Club, Kota Bharu.

Hari Pencegahan Lemas Sedunia merupakan kempen advokasi menerusi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang disambut setiap tahun pada 25 Julai dengan tujuan untuk memberikan kesedaran mengenai risiko lemas dan perkongsian kaedah bagi mencegahnya.

Antara pengisian yang diadakan bersempena sambutan ini adalah perkongsian maklumat dan pengalaman oleh rakan strategik KBS iaitu Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Selain itu, YB Adam Adli turut meninjau pelaksanaan program KLAS Renang Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung di lokasi yang sama.

KLAS Renang merupakan inisiatif KBS menerusi JBSN yang dilaksanakan dengan tujuan mendedahkan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah dengan teknik asas berenang seterusnya mengurangkan risiko lemas.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Perasmian Majlis Sambutan Hari Pencegahan Lemas Sedunia Peringkat KBS Tahun 2023 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad turut hadir ke Majlis Sambutan Hari Pencegahan Lemas Peringkat KBS Tahun 2023





Turut berlangsung program KLAS Renang Peringkat Daerah Kota Bharu di Kelantan Golf and Country Club

10. LIGA SUKAN KOMUNITI

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir merasmikan pembukaan Kejohanan Liga Sukan Komuniti Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 bertempat di Dewan Sri Putra, Bandar Sukan Kuala Lumpur, Bukit Jalil pada 3 November 2023.

Kejohanan ini merupakan acara kemuncak penganjuran Liga Sukan Komuniti (LSK) yang dianjurkan oleh KBS menerusi JBSN di seluruh negara.

LSK telah dimulakan pada bulan Julai hingga November 2023 dengan sasaran penyertaan seramai 62,228 orang merangkumi semua peringkat penganjuran iaitu daerah, negeri dan kebangsaan.

Manakala majlis penutup dan penyampaian hadiah pula telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad pada 5 November 2023.

Sebanyak empat (4) acara sukan telah dipertandingkan iaitu futsal, bola jaring, sepak takraw dan bola keranjang dengan keputusan penuh seperti berikut:

BIL	ACARA	KEPUTUSAN
1.	FUTSAL	JOHAN : KUALA LUMPUR NAIB JOHAN : PAHANG KETIGA : SELANGOR DAN SABAH PEMAIN TERBAIK KEJOHANAN : DZUL SYAMIM SYAIFUL (KUALA LUMPUR)
2.	BOLA JARING	JOHAN : SABAH NAIB JOHAN : KUALA LUMPUR KETIGA : MELAKA DAN JOHOR PEMAIN TERBAIK KEJOHANAN : MITCHELLEVIE VINUS (SABAH)

BIL	ACARA	KEPUTUSAN
3.	SEPAK TAKRAW	JOHAN : NEGERI SEMBILAN NAIB JOHAN : SELANGOR KETIGA : MELAKA DAN KUALA LUMPUR PEMAIN TERBAIK KEJOHANAN : MUHAMMAD HAKIMI ROSDI (NEGERI SEMBILAN)
4.	BOLA KERANJANG 3 X 3 (LELAKI)	JOHAN : THE TRUTH NAIB JOHAN : PARKCITY HEAT BLACK KETIGA : PARKCITY HEAT WHITE DAN PARKCITY HEAT RED PEMAIN TERBAIK KEJOHANAN : MUHAMMAD IKHWAN TASMIN
5.	BOLA KERANJANG 3 X 3 (WANITA)	JUARA : SS WILDCATS RED NAIB JUARA : MMBC W1 KETIGA : SS WILDCATS BLACK DAN MMBC 2 PEMAIN TERBAIK KEJOHANAN : MYIONNA MAY



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad menyempurnakan Majlis Penutup Liga Sukan Komuniti Peringkat Kebangsaan Tahun 2023



Pertembungan sengit di antara pasukan Kuala Lumpur dan Selangor bagi acara futsal di Bandar Sukan Kuala Lumpur, Bukit Jalil



Aksi melibatkan pemain Negeri Sembilan (kanan) bagi acara sepak takraw di Gimnasium 2, MSN Bukit Jalil



11. PEMBANGUNAN SUKAN OKU

JBSN juga komited memastikan pembangunan sukan untuk semua merangkumi segenap perspektif termasuklah dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Pelbagai program dan aktiviti telah digerakkan menerusi Cawangan Pembangunan Sukan OKU termasuklah di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Program I-Talent dan I-Train merupakan program ikonik yang bertujuan untuk membangunkan bakat sukan baharu terutamanya dalam kalangan golongan OKU. Ia juga menyumbang kepada pencapaian signifikan kepada Pelan Strategik JBSN 2021 – 2025.

Bagi tahun 2023, penyertaan OKU ke Sirkuit Kebangsaan juga telah direalisasikan menerusi program Malaysia Aktif @ Sinergi Bakat OKU yang mana telah berjaya mengumpul seramai 2,782 orang peserta yang mana turut berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat tertinggi.

Selain itu, program dan aktiviti pembangunan sukan berbentuk rekreasi juga telah dianjurkan. Menerusi program Malaysia Aktif @ Inspire Eksplorasi, seramai 573 orang penyertaan telah direkodkan di seluruh negara.



Peserta program dalam kalangan OKU bergambar kenangan di Pulau Rusukan Besar, Wilayah Persekutuan Labuan pada 1 September 2023



Peserta dalam kalangan OKU sedang mendengar taklimat dan penerangan daripada jurulatih



Peserta dalam kalangan OKU sedang memasang khemah di program Malaysia Aktif @ Inspire Eksplorasi

12. LARIAN RIA MADANI DAN PERTANDINGAN SEPAKAN PENALTI

Bersempena Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI, JBSN turut menganjurkan program Larian Ria MADANI dan Pertandingan Sepakan Penalti bertempat di Pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil.

Seramai lebih kurang 3,000 orang telah menyertai Larian Ria MADANI pada 9 Disember 2023 yang membawakan tema pakaian tradisional. Peserta berlari dengan berbusana penuh warna-warni sejauh 4 km di sekitar Bandar Sukan Kuala Lumpur, Bukit Jalil.

Majlis pelepasan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim. Manakala majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu. Turut hadir, Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.

Selain itu, turut dianjurkan Pertandingan Sepakan Penalti melibatkan penyertaan sebanyak 50 buah pasukan. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kecergasan Nasional BPS JBSN, YBrs. Encik Hilmi Dahlan. Keputusan penuh seperti berikut:

KATEGORI	KEDUDUKAN	PASUKAN
TERBUKA	JOHAN	5 BERADIK
	NAIB JOHAN	LASKAR OLD KK UTD
	KETIGA	TOT
RAKAN MUDA	JOHAN	FUSSA FC
	NAIB JOHAN	TMT
	KETIGA	MDKP JR



Pelepasan larian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim



● ● ●
Sesi senamrobik telah dikendalikan oleh Team JBSN



● ● ●
Peserta Larian Ria MADANI mengikut tema menggayakan pakaian tradisional



● ● ●
Pemenang pakaian tradisional terbaik bagi acara Larian Ria MADANI



● ● ●
Antara ragam yang dipamerkan peserta yang menyertai Larian Ria MADANI di sekitar Bandar Sukan Kuala Lumpur, Bukit Jalil



Peserta Larian Ria MADANI ceria mengenakan pakaian tradisional semasa menyertai acara



Aksi bertenaga yang dipamerkan oleh peserta Pertandingan Sepakan Penalti



Peserta mengambil sepakan penalti dengan penuh bertenaga di Pertandingan Sepakan Penalti



Penyampaian hadiah bagi Pertandingan Sepakan Penalti telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Cawangan Kecergasan Nasional BPS JBSN, Encik Hilmi Dahlan





LAPORAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA





Bahagian Pembangunan Rakan Muda (BPRM) kini diberikan nafas baharu yang merupakan platform pengisian masa berkualiti dan penyatuan perpaduan belia berumur 15 hingga 30 tahun melalui 10 Gaya Hidup Rakan Muda.

Bagi tahun 2023, sebanyak 4,132 aktiviti pembangunan Rakan Muda telah dijalankan dengan penglibatan lebih dari 1 juta orang penyertaan merangkumi peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Antara fungsi yang digerakkan oleh BPRM adalah seperti berikut:

- Merangka strategi pembangunan potensi dan kesukarelawanan mengerusi 10 gaya hidup Rakan Muda;
- Mengoptimumkan elemen pembangunan belia positif menerusi pembentukan karakter;
- Meningkatkan jaringan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan rakan strategik dalam pembangunan program Rakan Muda; dan
- Khidmat nasihat dan konsultasi bagi pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda.

PENGURUSAN BPRM



Encik Syamsul Tahrin bin Mohd Tahir
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Rakan Muda)
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Puan Marina binti Nafi
Pengarah
Caw. Pembangunan Potensi
Bahagian Pembangunan Rakan Muda
Jabatan Belia dan Sukan Negara



Encik Ahmad Syariffuddin bin Sarmin
Pengarah
Caw. Pembangunan Kesukarelawanan
Bahagian Pembangunan Rakan Muda
Jabatan Belia dan Sukan Negara

Ringkasan pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda adalah seperti berikut:

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM JBSN BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA					
BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	PERINGKAT PELAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA (ORANG)
A. CAWANGAN PEMBANGUNAN POTENSI					
UNIT PEMBANGUNAN SAHSIAH					
1.	RAKAN MUDA RAMADAN	01 APRIL 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	6,600
UNIT LATIHAN & PENTAULIAHAN					
2.	MAJLIS PENTAULIAHAN ARPRM TAHAP PERAK & GANGSA	SEPTEMBER – NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	9,325
3.	MAJLIS PENTAULIAHAN ARPRM TAHAP EMAS	07 DISEMBER 2023	KEBANGSAAN	CASA 4, MAJLIS SUKAN NEGARA	107
UNIT GAYA HIDUP					
4.	PELANCARAN NAFAS BAHARU RAKAN MUDA	SEPTEMBER – NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	3,163
5.	JELAJAH MINI RAKAN MUDA PERINGKAT NEGERI	JULAI – OGOS 2023	NEGERI	NEGERI SEMBILAN, P.PINANG, KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU & SELANGOR	1,563
6.	EKSPLORASI RAKAN MUDA	09 SEPTEMBER 2023	NEGERI	NEGERI	37
7.	RAKAN BUMI				
	i) EKSPLOKORASI ALAM	JULAI – NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	847
	ii) PLOGGING @ COMMUNITY	JULAI – NOVEMBER 2023	DAERAH	SELURUH DAERAH	10,025
	iii) PROGRAM 3R @ COMMUNITY	JULAI – NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	2,240
8.	RAKAN DIGITAL				
	i) KBS RAKAN MUDA E-SPORTS TOURNAMENT	18 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	DEWAN SERBAGUNA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	315
	ii) CANVA EDITING SKILLS	JULAI – NOVEMBER 2023	NEGERI	HIBRID	2,942
	iii) TIKTOK EDITING SKILLS	JULAI – NOVEMBER 2023	NEGERI	HIBRID	3,013
	iv) SKILLSUPNOW (SUN)	JULAI – NOVEMBER 2023	ZON	DALAM TALIAN	568

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	PERINGKAT PELAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA (ORANG)
9. RAKAN EKSPRESI					
I)	PRO SKIL KOMUNIKASI @ RAKAN MUDA	JULAI - NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	1,133
II)	PRO SKIL @ RAKAN MUDA (DALAM TALIAN)	JULAI - NOVEMBER 2023	ZON	SABAH, KELANTAN, KEDAH, WP KUALA LUMPUR & JOHOR	883
III)	RAKAN MUDA @ UJI MINDA	JULAI - NOVEMBER 2023	DAERAH	SELURUH DAERAH	6,234
IV)	REFLEKSI RAKAN MUDA	JULAI - NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	2,202
10. RAKAN LITAR					
I)	TRACK DAY	JULAI - NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	3,216
11. RAKAN MAHIR					
I)	SKILLS FOR LIFE	JULAI - NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	1,456
II)	SKILLS FOR LIFE (ENGLISH ENRICHMENT DAY)	JULAI - NOVEMBER 2023	ILKBS	ILKBS	1,269
III)	SKILLS FOR LIFE (KURSUS ASAS BAHASA)	JULAI - NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	7,004
12. RAKAN MUZIK					
I)	KOMUNITI MUZIK	JULAI - NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	772
II)	BENGKEL INTENSIF MUZIK	JULAI - NOVEMBER 2023	-	-	1,335
III)	SIMFONI KASIH RAKAN MUZIK	JULAI - NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	SACC MALL SHAH ALAM	80
13. RAKAN NIAGA					
I)	MYPRENEUR	JULAI - NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	1,517
14. RAKAN PRIHATIN					
I)	MOBILISASI SATRIA (SOSIAL)	JULAI - DISEMBER 2023	DAERAH	SELURUH DAERAH	21,645
II)	MOBILISASI SATRIA (PASCA BENCANA)	JULAI - DISEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	1,571
15.	BATTLEGROUND MALAYSIA: ROAD TO GOLD	10 JULAI - 3 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	AEON MALL SHAH ALAM & PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE	2,212

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	PERINGKAT PELAKSANAAN	TEMPAT	JUMLAH PESERTA (ORANG)
UNIT PENYELARASAN STRATEGIK					
16.	BENGKEL TECHNICAL WORKING GROUP	14 - 15 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	PULSE GRANDE PUTRAJAYA	87
17.	PERARAKAN KONTINJEN RAKAN MUDA DAN SATRIA 2023	31 OGOS 2023	KEBANGSAAN	KEBANGSAAN	104
18.	PESTA RAKAN MUDA MUDI	9 SEPTEMBER & 18 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	LORONG SENI MENARA KBS	1,829
19.	RAKAN BUMI: TANAM POKOK LTDL 2023	23 SEPTEMBER - 1 OKTOBER 2023	NEGERI & KEBANGSAAN	TERENGGANU, KELANTAN, PAHANG, KEDAH, P. PINANG, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, MELAKA & JOHOR	759
20.	RAKAN BUMI: TANAM POKOK 2023	01 NOVEMBER 2023	NEGERI	SELURUH NEGERI	1,359
21.	PROGRAM PENGUPAYAAN PERTUBUHAN GAYA HIDUP RAKAN MUDA	OKTOBER - NOVEMBER 2023	NEGERI	NEGERI	1,750
22.	BIG SCREEN 'BATTLEGROUND MALAYSIA: ROAD TO GOLD	03 NOVEMBER 2023	KEBANGSAAN	DATARAN PUTRAJAYA	50
JUMLAH CAWANGAN PEMBANGUNAN POTENSI					99,212
B. CAWANGAN KESUKARELAWANAN					
UNIT PEMBANGUNAN KHIDMAT DALAM KOMUNITI					
23.	HARI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA	10 DISEMBER 2023	KEBANGSAAN	KEBANGSAAN	459
24.	I) RAKAN PRIHATIN MYCORPS @ BORNEO	DISEMBER 2023 - JANUARI 2024	NEGERI	NEGERI	53
	II) JELAJAH RAKAN PRIHATIN MYCORPS (FITMALAYSIA @ KOMUNITI ORANG ASLI)	OKTOBER	NEGERI	NEGERI	356
	III) RAKAN PRIHATIN: HARI KESUKARELAWANAN BELIA MALAYSIA PERINGKAT NEGERI 2023	DISEMBER	NEGERI	NEGERI	2,613
UNIT PENSEKTORAN					
25.	KELAB RAKAN MUDA - PROJEK MYSAVEFOOD RAMADAN	MAC - APRIL	NEGERI	17 LOKASI BAZAR RAMADAN	183
UNIT PENGURUSAN SUKARELAWAN					
26.	KURSUS ASAS LEVEL 1 SUKARELAWAN ANAK MALAYSIA (SATRIA) PERINGKAT NEGERI	14 OGOS - 12 NOVEMBER 2024	NEGERI	TERENGGANU, PAHANG, KEDAH, P. PINANG, SABAH & SARAWAK	238
27.	KURSUS PERTENGAHAN LEVEL 2 SUKARELAWAN ANAK MALAYSIA (SATRIA) PERINGKAT ZON	OGOS - OKTOBER	ZON	JOHOR, SELANGOR, TERENGGANU & P.PINANG	148
28.	KURSUS LANJUTAN LEVEL 3 SUKARELAWAN ANAK MALAYSIA (SATRIA) PERINGKAT KEBANGSAAN	OKTOBER	KEBANGSAAN	KOMPLEKS RAKAN MUDA BUKIT KIARA. WP KUALA LUMPUR	21
JUMLAH CAWANGAN KESUKARELAWANAN					4,071
JUMLAH KESELURUHAN					103,283

*Penyertaan bagi Gaya Hidup Rakan Aktif dan Rakan Digital adalah mengambil kira penyertaan peserta bagi program di bawah BPS JBSN

1. NAFAS BAHARU RAKAN MUDA

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim hadir bagi melancarkan Rakan Muda yang diberikan nafas baharu bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 25 Jun 2023.

Majlis pelancaran diserikan dengan kehadiran Mantan Menteri Belia dan Sukan yang merupakan pengasas inisiatif Rakan Muda pada tahun 1994, Tan Sri Dato' Abdul Ghani Othman.

Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim.

Inisiatif Rakan Muda kini diperkasakan semula oleh KBS dengan objektif untuk menjadi platform pengisian masa berkualiti dan penyatuan perpaduan yang mana digerakkan menerusi JBSN.

Rakan Muda kali ini juga akan menjadi platform utama untuk pelaksanaan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030) dengan harapan menjadi satu program yang didukung oleh semua agensi kerajaan terutamanya di dalam melaksanakan aktiviti berkaitan belia sejajar dengan usaha berterusan kerajaan di dalam meningkatkan kesejahteraan dan penglibatan belia dalam pembangunan negara.

Pelbagai program dan aktiviti yang akan digerakkan oleh KBS melalui JBSN menerusi 10 Gaya Hidup Rakan Muda iaitu Rakan Aktif, Rakan Bumi, Rakan Demokrasi, Rakan Digital, Rakan Eksesprei, Rakan Litar, Rakan Muzik, Rakan Mahir, Rakan Niaga dan Rakan Prihatin.

Majlis pelancaran juga dihadiri oleh Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan semasa Majlis Pelancaran Rakan Muda



Mantan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Abdul Ghani Othman berkongsi mengenai perjalanan inisiatif Rakan Muda

2. RAKAN MUDA RAMADAN

Antara program utama yang berimpak tinggi yang dianjurkan oleh JBSN adalah Rakan Muda Ramadan. Program ini diadakan khusus bagi menyemarakkan bulan Ramadan dengan pelbagai pengisian kerohanian dan keinsanan.

Rakan Muda Ramadan diadakan di seluruh negara dengan pelbagai pengisian termasuklah tadarus dan khatam Al-Quran, hafazan Al-Quran, pertandingan azan dan banyak lagi.

Bagi negeri Melaka, program telah diadakan di Masjid Al-Alami, MITC, Melaka pada 13 April 2023. Perasmian program telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim. Turut hadir, Pengarah JBS Negeri Melaka, Encik Khairul Adri Dato' Rosli.



Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim mengagihkan bubur lambuk di program Rakan Muda Ramadan Peringkat Negeri Melaka pada 13 April 2023





Program Rakan Muda Ramadan Peringkat Negeri Sembilan yang berlangsung di Politeknik Port Dickson pada 12 April 2023

3. SUKARELAWAN ANAK MALAYSIA

JBSN komited di dalam memperkasakan pembangunan sahsiah dan jati diri terutamanya dalam kalangan anak muda. Usaha ini digerakkan menerusi penganjuran program kesukarelawanan yang mana peserta memberikan khidmat bakti dan sokongan kemasyarakatan kepada komuniti yang memerlukan.

Antara inisiatif yang telah digerakkan pada tahun 2023 adalah Misi Pasca Banjir Rakan Muda di negeri Johor pada 22 Mac 2023. Digerakkan menerusi Sukarelawan Anak Malaysia (SATRIA), misi turut disertai oleh warga kerja KBS dan JBSN bagi membersihkan Klinik Kesihatan Parit Sulong.

Misi ini turut dikuatkan dengan sokongan pelajar dari Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) yang mana turut disertai oleh Ketua Pengarah JBSN, YBr. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad turun padang ke Misi Pasca Banjir di Klinik Kesihatan Parit Sulong



Petugas JBSN turut turun padang menjayakan Misi Pasca Banjir Negeri Johor di Klinik Kesihatan Parit Sulong



SATRIA bergotong-royong membersihkan Klinik Kesihatan Parit Sulong

4. PESTA RAKAN MUDA MUDI

Menerusi Rakan Muda, pelbagai program dan aktiviti khas telah dianjurkan dengan hasrat mengetengahkan potensi dan bakat dalam kalangan anak muda. Usaha ini digerakkan menerusi program dan aktiviti pembangunan Rakan Muda yang diadakan mengikut cita rasa dan acuan anak muda.

Bagi tahun 2023, sebanyak dua (2) edisi Pesta Rakan Muda Mudi telah diadakan dengan mengangkat tema tersendiri iaitu:

Pesta Rakan Muda Mudi: DEMOKRASI BERAKSI

Program ini telah diadakan pada 9 September 2023 dengan mengangkat tema kenegaraan iaitu "Demokrasi Beraksi". Antara pengisian yang telah dianjurkan adalah persembahan artis, bacaan puisi, jualan usahawan muda, sesi bedah filem, siaran luar RAKITA dan banyak lagi. Lebih menarik, beberapa personaliti telah membuat penampilan khas seperti Pyanhabib, Amir Jahari, Ronasina, Israr Khalid, dan ramai lagi.

Pesta Rakan Muda Mudi: KAU OKEY KE?

Program ini telah diadakan pada 18 November 2023 dengan mengangkat tema kesihatan mental iaitu "Kau Okey Ke?". Antara pengisian yang telah dianjurkan adalah persembahan artis, sentuhan nurani, tayangan filem, siaran luar RAKITA dan pentas ekspresi. Lebih menarik, beberapa personaliti telah membuat penampilan khas seperti Najwa Latif, Yonnyboi, Dai Afiqah dan ramai lagi. Turut hadir, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim.






Antara pengunjung yang hadir ke Pesta Rakan Muda Mudi pada 9 September 2023



Persembahan memukau oleh Amir Jahari di Pesta Rakan Muda Mudi pada 9 September 2023



Pyanhabib mendeklamasikan sajak di Pesta Rakan Muda Mudi di Laman Seni, Menara KBS, Putrajaya pada 9 September 2023



Najwa Latif jelas di kelas tersendiri ketika membuat persembahan di Pesta Rakan Muda Mudi pada 18 November 2023

5. BATTLEGROUND MALAYSIA: ROAD TO GOLD

Pasukan Danny mencipta sensasi apabila dinobatkan sebagai juara Battleground Malaysia: Road to Gold yang mana penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh.

Merupakan sebuah inisiatif bersama di antara KBS dan Astro, final telah berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 3 November 2023. Selain itu, program turut mengetengahkan Rakan Muda menerusi Gaya Hidup Rakan Muzik dan Rakan Ekspresi.

Tempat kedua telah diungguli oleh pasukan Legosam dan tempat ketiga pula jatuh kepada pasukan Seven.

Dalam masa yang sama, peserta Kayllash Thiagarajan atau Kay pula telah dinobatkan sebagai juara individu Battleground Malaysia: Road to Gold seterusnya membawa pulang hadiah wang tunai berserta trofi.

Final turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim dan Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu.



Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh hadir ke sesi Sidang Media Battleground Malaysia: Road to Gold di Astro Bukit Jalil pada 20 September 2023



Antara peserta yang hadir sesi pemilihan di Aeon Mall Shah Alam



Peserta perlu memikat juri sebelum terpilih ke peringkat seterusnya



6. MAJLIS PENTAULIAHAN EMAS ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim hadir menyempurnakan Majlis Pentauliah Emas Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda Tahun 2023 bertempat di Dewan Bankuet, Casa 4, Majlis Sukan Negara Bukit Jalil pada 7 Disember 2023.

Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) dilaksanakan oleh KBS menerusi JBSN dengan kerjasama Badan Operasi iaitu persatuan belia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain organisasi.

ARPRM merupakan sebuah program ikonik bertaraf antarabangsa yang mengguna pakai model *The Duke of Edinburgh's International Award* khas untuk belia berusia antara 14 hingga 25 tahun.

Majlis ini diadakan khusus bagi menghargai dan mengiktiraf kejayaan penerima tahap Emas iaitu pencapaian tertinggi di bawah ARPRM.

Untuk mencapai tahap Emas, peserta perlu terlebih dahulu melengkapkan tahap gangsa dan perak, dan seterusnya memenuhi syarat-syarat pelaksanaan melibatkan lima (5) komponen anugerah iaitu Kemahiran, Rekreasi Fizikal, Khidmat Masyarakat, Penjelajahan Lasak dan Projek Penempatan.

Seramai 106 orang peserta dan 27 Badan Operasi telah menerima tauliah tahap Emas dan penghargaan pada majlis kali ini. Selain itu, turut disampaikan "Reward Award Leader MPE 2023" kepada 10 Badan Operasi atas pencapaian melahirkan penerima pentauliah tahap Emas secara konsisten bagi tiga (3) tahun berturut-turut.

Pelaksanaan ARPRM menjadi pemangkin semangat kepada penerima dan anak muda yang lain untuk terus menyumbang kepada agenda pemerkasaan dan pembangunan belia di semua peringkat. Diharapkan penerima tahap emas dapat mencapai kejayaan yang lebih tinggi pada masa akan datang seterusnya membanggakan Malaysia di persada antarabangsa.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad.



Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim menyampaikan ucapan di Majlis Pentauliah Emas ARPRM



Salah seorang daripada 106 orang penerima ARPRM



Pengarah JBS Negeri Sarawak, Encik Lamat Anak Nyalau menerima sijil penghargaan daripada Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim

7. MINI SIMFONI MUZIK RAKAN MUDA

JBSN telah menganjurkan Mini Simfoni Muzik Rakan Muda bertempat di SACC Mall, Shah Alam pada 16 Disember 2023.

Program merupakan sebuah inisiatif Rakan Muda di bawah gaya hidup Rakan Muzik dengan hasrat menyerlahkan bakat kesenian dan muzik dalam kalangan anak muda termasuklah menerusi seni persembahan, perkongsian pengalaman dan sebagainya.

Antara yang hadir bagi membuat persembahan adalah Ben Ladin, Zeppo Youngsterz, Orkes A. Hizadin, The Siblings Band, Akademi Seni Putera Selangor, Sri Mayaakary Urumi Melam Hulu Selangor, Rentak Warisan SK Batu Sembilan dan ramai lagi.

Program turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Ketua Pengarah (Rakan Muda) JBSN, YBrs. Encik Syamsul Tahrin Mohd Tahir.



Aksi bertenaga dipamerkan kumpulan tarian Zeppo Youngsterz





Ben Ladin antara artis yang membuat persembahan di Mini Simfoni Muzik Rakan Muda



Mini Simfoni Muzik Rakan Muda berlangsung di SACC Mall, Shah Alam



Persembahan kebudayaan Sarawak turut disajikan kepada penonton



Antara penonton yang hadir ke program Mini Simfoni Muzik Rakan Muda di SACC Mall, Shah Alam

8. HARI KESUKARELAWAN BELIA MALAYSIA

Ketua Pengarah JBSN, YBr. Tuan Mohd Azhari Mohammad hadir menyertai program kesukarelawanan dan khidmat komuniti bertempat di Pangsapuri Sri Mutiara, Putra Heights dan Pusat Jagaan Mahmudah, Semenyih pada 10 Disember 2023.

Program ini diadakan dengan penglibatan Sukarelawan Anak Malaysia (SATRIA) bersempena dengan sambutan Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia (HKBM) bagi tahun 2023.

Antara pengisian di bawah program ini adalah gotong-royong membersihkan persekitaran dan lokaliti, perkongsian pengalaman dan sebagainya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Rakan Muda) JBSN, YBr. Encik Syamsul Tahrin Mohd Tahir.



Ketua Pengarah JBSN, Tuan Mohd Azhari Mohammad hadir ke majlis perasmian di Putra Heights



SATRIA bertungkus lumus bergotong-royong membersihkan persekitaran Pangsapuri Sri Mutiara





SATRIA berbual bersama penghuni Pusat Jagaan Mahmudah, Semenyih





DIREKTORI JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUAN





•• **Jabatan Belia dan Sukan** •• **Negeri Perlis**



BIL	ALAMAT	NAMA PENGARAH/ PEGAWAI	NOMBOR TELEFON PEJABAT	E-MEL RASMI (@kbs.gov.my)
1.	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis Jalan Hospital 01000 Kangar PERLIS	Encik Mohd Nizam bin Mat Daud (Pengarah)	04-979 3505	mohdnizamdaud

•• **Jabatan Belia dan Sukan** •• **Negeri Kedah**



BIL	ALAMAT	NAMA PENGARAH/ PEGAWAI	NOMBOR TELEFON PEJABAT	E-MEL RASMI (@kbs.gov.my)
1.	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kedah Aras 2, Zon A Wisma Persekutuan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Bandar Muadzam Shah, Mukim Anak Bukit 06550 Alor Setar KEDAH	Puan Noor Azma binti Deris (Pengarah)	04-732 4500	noorazma
PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH				
1.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kota Setar Aras 1 Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kedah Jalan Stadium 05100 Alor Setar KEDAH	Puan Nazifah binti Muhamad Zubir (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kota Setar)	04-730 0952	nazifahzubir
2.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kubang Pasu Tingkat 1, No. 171 B Jalan PJ 7, Pekan Jitra 2 06000 Jitra KEDAH	Encik Megat Shahrom Basir bin Makhdzir (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kubang Pasu)	04-917 9840	megatshahrom
3.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Yan No. 3A, Arked Majlis Daerah Yan Guar Cempedak 08800 Yan KEDAH	Puan Asnatul Adha binti Ahmad (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Yan)	04-468 5225	asna
4.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Sik No. 4 & 5, Tingkat 2 Bangunan Tabung Haji 08200 Sik KEDAH	Encik Zailan bin Daud (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Sik)	04-469 5284	zailandaud

BIL	ALAMAT	NAMA PENGARAH/ PEGAWAI	NOMBOR TELEFON PEJABAT	E-MEL RASMI (@kbs.gov.my)
5.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Padang Terap No. 4A & 9A, Arked Majlis Daerah Padang Terap 1, Jalan Bendahara 06300 Kuala Nerang KEDAH	Encik Mohd Farizan bin Mat Arshad (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Padang Terap)	04-786 6381	farizan.arshad
6.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Bandar Baharu D/A Kompleks Sukan Komuniti Bandar Baharu 09800 Serdang KEDAH	Encik Shamsul Qamar bin Shamsuddin (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Bandar Baharu)	04-407 6224	shamsul_qamar
7.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Langkawi D/A Pusat Latihan Perahu Layar Langkawi Pokok Asam 07000 Langkawi KEDAH	Encik Mohd Ferdaus bin Osman (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Langkawi)	04-966 6323	ferdaus
8.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kulim No. 29 Taman Pelangi 2 09000 Kulim KEDAH	Encik Mohd Zaidi bin Zakariya (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kulim)	04-490 7663	zaidi.zakariya
9.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kuala Muda No. 7 & 8, Tingkat 2 Jalan Bank 08000 Sungai Petani KEDAH	Encik Kamarol Azlan bin Abdull Hamid (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kuala Muda)	04-422 1051	kamarol.a
10.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Pendang No. 10A & 10B Kawasan Perniagaan Kiara Mas 06700 Pendang KEDAH	Encik Ahmad Kamaruizaman bin Jamaludin (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Pendang)	04-759 3171	kamalz
11.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Baling Kompleks Rakan Muda Baling Batu 42, Pulai 09100 Baling KEDAH	Puan Siti Salmiah binti Ani (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Baling)	04-470 1279	ctsal
12.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Pokok Sena No. 49, Fasa 2 Taman Jabi 06400 Pokok Sena KEDAH	Encik Muhammad bin Alli (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Pokok Sena)	04-782 1687	muhammad.alli

••• Jabatan Belia dan Sukan ••• Negeri Pulau Pinang



BIL	ALAMAT	NAMA PENGARAH/ PEGAWAI	NOMBOR TELEFON PEJABAT	E-MEL RASMI (@kbs.gov.my)
1.	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang D/A Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang Jalan Sultan Azlan Shah 11700 Gelugor PULAU PINANG	Encik Mozakir bin Buyong Mokhtar (Pengarah)	04-655 444	mozakir
PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH				
1.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Timur Laut D/A Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang Jalan Sultan Azlan Shah 11700 Gelugor PULAU PINANG	Encik Ebenezer A/L Victor Nimbalker (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Timur Laut)	04-659 8515	ebenezer
2.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Barat Daya Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Simpang Empat 11000 Balik Pulau PULAU PINANG	Encik Muhammad Daniel bin Haris (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Barat Daya)	04-866 8244	daniel.haris
3.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Utara Tingkat 4, Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara, Jalan Bertam 2 13200 Kepala Batas PULAU PINANG	Puan Natrah binti Esa (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Utara)	04-575 1066	natrah
4.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Tengah 1A, Lorong Perda Selatan 2 Bandar Perda 14000 Bukit Mertajam PULAU PINANG	Encik Mohamed Farid bin Razali (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Tengah)	04-530 3030	mohamedfarid
5.	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Selatan Jalan Serindit 14200 Sungai Jawi PULAU PINANG	Encik Abd Hamid bin Hj Mohd Yassin (Pegawai Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Selatan)	04-582 4380	abdhamy

⋮ **Jabatan Belia dan Sukan** ⋮ **Negeri Perak**



BIL	ALAMAT	NAMA PENGARAH/ PEGAWAI	NOMBOR TELEFON PEJABAT	E-MEL RASMI (@kbs.gov.my)
